




USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PEJABAT PENGURUSAN DAN KREATIVITI PENYELIDIKAN
RESEARCH CREATIVITY AND MANAGEMENT OFFICE

Ruj. Kami : A1019
Tarikh : 23 Februari 2010

Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif
Penyelidik
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan



Tuan,

Laporan Akhir Projek Penyelidikan Tajaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia [YADIM]
Tajuk : 'Ajaran Sesat dalam Bentuk Baru Islam Liberal'
No. Akaun : 304/PHUMANITI/650419/Y108


Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

- Pejabat ini merakamkan ucapan terima kasih di atas kerjasama tuan mengemukakan laporan akhir bertajuk '*Ajaran Sesat dalam Bentuk Baru Islam Liberal*' tajaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia [YADIM].
- Memandangkan projek ini telah selesai, Pejabat ini akan menutup projek ini dan seterusnya, pihak Bendahari akan memproses penutupan akaun projek ini setelah semua pembayaran diselesaikan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

Yang menjalankan tugas,


(AMRA OTHMAN)
Penolong Pendaftar
Unit Pengurusan Geran & Kontrak
E-mel : rcmo@usm.my

s.k. Dekan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Penolong Bendahari
Unit Kumpulan Wang Penyelidikan
Jabatan Bendahari

Mohon kerjasama puan untuk menutup akaun projek ini setelah semua pembayaran diselesaikan

Ketua Pustakawan
Perpustakaan Hamzah Sendut
Universiti Sains Malaysia

Disampaikan satu salinan laporan akhir projek untuk simpanan Perpustakaan

HAR, SRMS, SFM

Kandungan

1.	Profil penyelidik	2
2.	Laporan fasa 1	3
3.	Laporan fasa 2	14
4.	Laporan fasa 3	42
5.	Kesimpulan	56

Profil Penyelidik:

1. Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif (Ketua Penyelidik)
BSh (Hons) (UM), MUsul (UM), PhD (Edinburgh)
Bidang Dakwah dan Pemikiran Islam
No. K/P: 750426145227

Tel: 04-6532866
Faks: 04-6563707
faridusm@usm.my

2. Prof. Madya Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir
BA (IIUM), MA (Manchester), PhD (Leeds)
Bidang Akhlak dan Pemikiran Islam
No. K/P: 710302085916

Tel: 04-6532862
shakirah@usm.my

3. Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan
B.Is.Ed. (Hons) (UM), MA, PhD (Istac)
Bidang Perbandingan Agama dan Tamadun Islam
No. K/P: 720622075281

Tel: 04-6533869
mazizan@usm.my

Laporan Fasa 1: .Kajian Literatur

1. Pendahuluan

Dalam laporan ini, tumpuan hanya diberikan kepada kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan sejak tiga bulan yang lepas. Berdasarkan carta aliran metodologi kajian seperti yang dimuatkan dalam proposal kajian, aktiviti penyelidikan hanya menyangkuti hal-hal yang berkaitan dengan tinjauan literatur atau hasil-hasil penulisan lepas. Laporan ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian: pertama ialah tinjauan terhadap penulisan lepas yang berkaitan dengan konsep kebebasan dalam Islam; kedua ialah tinjauan terhadap sejarah kemunculan Islam Liberal; dan ketiga ialah tinjauan terhadap literatur yang berkaitan dengan Islam Liberal di Malaysia.

2. Konsep Kebebasan Dalam Islam

Sumber-sumber utama yang digunakan untuk menganalisa konsep kebebasan dalam Islam ialah seperti berikut: Muhammad Hashim Kamali dalam *Freedom of Expression in Islam* dan *Freedom, Equality and Justice in Islam*; Majid Khadduri dalam *The Islamic Conception of Justice*; dan Abul A'la Maududi dalam *Human Rights in Islam*.

Beberapa tahun kebelakangan ini, subjek tentang kebebasan bersuara menjadi topik perdebatan yang cukup hangat. Karya *Freedom of Expression in Islam* oleh Muhammad Hashim Kamali adalah yang pertama dan ekstensif dalam genre ini. Buku ini mempunyai maklumat yang cukup detil tentang aspek kebebasan bersuara menurut perspektif undang-undang Islam dan akhlak. M.H Kamali boleh dianggap telah mempelopori usaha mengkaji konsep kebebasan dalam Islam dengan menggunakan sumber-sumber Shari'ah serta memberi tumpuan terhadap perbincangannya kepada aspek moral, perundangan dan teologi. *Freedom*

of Expression in Islam bukan sahaja karya yang berbentuk informatif tentang konsep kebebasan dalam Islam, tetapi juga menyediakan maklumat dan garis panduan tentang had-had kebebasan dalam Islam menurut perspektif tradisi agama Islam dan tingkah laku sosial. Karya *Freedom of Expression in Islam* boleh dianggap menjadi sebahagian daripada siri-siri karya utama yang dihasilkan oleh penulis Islam dalam membincangkan konsep hak asasi dan kebebasan dalam Islam.

Dalam *Freedom, Equality and Justice in Islam* pula, M.H Kamali mengemukakan kepada pembaca analisis terhadap konsep kebebasan, hak sama rata dan keadilan menurut sudut pandang Islam dan manifestasi ketiga-tiga konsep ini dalam agama, sosial, undang-undang dan politik. M.H Kamali turut menjelaskan hujahnya berdasarkan justifikasi bukti-bukti yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau juga memberi ulasan terhadap interpretasi dan tafsiran yang dikemukakan oleh ulama-ulama dari sekolah-sekolah pemikiran Islam yang awal. Antologi ini turut memuatkan pemerhatian M.H Kamali terhadap pandangan semasa pemikir-pemikir Islam tentang konsep kebebasan, hak sama rata dan keadilan. Menurut M H Kamali, pemikiran kontemporari sebegini boleh memberi sumbangan yang positif ke arah membangunkan martabat umat Islam.

Dalam *The Islamic Conception of Justice*, Majid Khadduri, salah seorang penulis Islam yang mempunyai autoriti besar dalam membincangkan konsep keadilan dan perundangan Islam, mengemukakan kajian dan refleksi yang terperinci tentang sistem politik Islam, sistem perundangan, akhlak dan falsafah sosial. Karya ini memuatkan sintesis terhadap kepercayaan dan amalan-amalan yang terdapat dalam sejarah ulung umat Islam dan amalan-amalan masyarakat Islam yang hidup pada zaman moden. Khadduri tidak hanya membincangkan maksud keadilan dalam bentuk umum, malah beliau menganalisa bentuk-bentuk perubahan yang berlaku dalam sistem keadilan pada zaman moden. Bab yang terakhir

dalam buku ini memuatkan ulasan tentang persepsi Barat terhadap istilah keadilan. Tumpuan juga diberikan kepada kemunculan gerakan-gerakan fundamentalis, sebagai contoh gerakan revolusi Islam di Iran dan pergerakan Ikhwan al-Muslimin di Mesir, Pakistan dan lain-lain.

Human Rights in Islam adalah koleksi terjemahan daripada siri-siri pidato yang diberikan oleh al-Mawdudi. Buku ini dimulakan dengan pandangan al-Mawdudi tentang sistem politik Islam. Bab yang pertama ini dilihat mampu untuk membolehkan pembaca mengetahui idea yang jelas tentang rangka sistem politik Islam, tabiat dan konsep hak asasi manusia dalam Islam. Perbincangan diteruskan dengan diskusi tentang hak asasi menurut Barat dan Islam; prinsip-prinsip hak asasi; hak penduduk atau warganegara dalam sebuah negara Islam; dan hak-hak musuh dalam peperangan.

Empat buku di atas dianggap memadai kepada pengakaji untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang konsep kebebasan dalam Islam. Rasional buku-buku itu dipilih dalam bahasa Inggeris adalah supaya pengkaji dapat membiasakan diri dengan istilah-istilah Inggeris yang digunakan sebagai mewakili *jargon* dalam Shari'ah; sebab yang kedua ialah kerana individu yang terlibat dengan faham Islam liberal banyak merujuk kepada sumber-sumber yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Hal ini penting kepada pengkaji untuk memahami bentuk pemikiran dan penganalisaan kumpulan Islam liberal terhadap sumber-sumber Shari'ah.

3. Sejarah Kemunculan Islam Liberal

Sumber-sumber utama yang digunakan untuk menganalisa bahagian pertama ini ialah seperti berikut: Abdullahi Ahmed Al-Na'im dalam *Toward an Islamic Reformation*; Muhammad Nur Manuty dalam kertas kerja "Seminar Ancaman Islam Liberal"; Charles Kurzman dalam *Liberal Islam: A Source Book*; Leonard Binder dalam *Islamic Liberalism: A Critique of*

Development Ideologies; Mohammed Arkoun dalam *Rethinking Islam: Common Questions, Uncommon Answers*; dan Nurcholis Madjid dalam *Pluralitas Agama: Kerukunan dalam Keragaman*.

Al-Na'im dalam tulisannya mendakwa bahawa syariat Islam bukannya wahyu. Sebaliknya hanyalah undang-undang yang ditulis sendiri oleh para fuqaha'. Al-Naim seterusnya mendakwa biarpun asas syariat Islam berasal dari al-Qur'an dan al-Sunnah, syariat Islam tetap bukan wahyu disebabkan ia adalah produk interpretasi manusia. Interpretasi ini pula merupakan satu proses yang berjalan seiring dengan pensejaraan manusia yang berbeda dengan kehidupan manusia kini. Berdasarkan hal ini, al-Naim menyarankan supaya nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah ditafsir semula agar bersesuaian dengan perkembangan manusia kini dan menjadi satu alternatif undang-undang Islam yang baru untuk masyarakat Islam. Berikut adalah contoh petikan dari tulisan beliau:

I have shown that Shari'a was in fact constructed by Muslim jurists over the first three centuries of Islam. Although derived from the fundamental divine sources of Islam, the Qur'an and Sunna, Shari'a is not divine because it is the product of human interpretation of those sources. Moreover, this process of construction through human interpretation took place within a specific historical context which is drastically different from our own. It should therefore be possible for contemporary Muslims to undertake a similar process of interpretation and application of the Qur'an and Sunna in the present historical context to develop an alternative public law of Islam which is appropriate for implementation today. (Abdullahi Ahmed Al-Na'im, 1989, 185-186)

Tanggapan al-Na'im bahawa syariat Islam bukannya wahyu atau tidak berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah bukannya sesuatu yang baru. Pandangan sebegini sudahpun disuarakan oleh beberapa tokoh awal orientalis. Sebagai contoh, Schacht (Schacht, 1950) dan Coulson (Coulson, 1964) mendakwa syariat Islam diformulasi dan diinovasikan oleh para ulama' dan fuqaha' sekitar tiga ratus tahun dahulu. Justeru, mereka beranggapan syariat Islam bukanlah wahyu. Sebaliknya, ia hanyalah satu produk undang-undang yang ditulis sendiri oleh para ulama' dan umara' demi menjamin kepentingan politik mereka dalam kerajaan.

Muhammad Nur Manuty, dalam kertas kerjanya telah berpendapat fahaman Islam liberal bermula dari kemunculan gerakan modernis Islam pada abad ke-19 dan 20 yang ingin melakukan pembaharuan dalam pemikiran masyarakat Islam. Meskipun niat para modernis tersebut baik iaitu untuk memajukan umat Islam dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, namun usaha mereka ini telah melahirkan impak negatif. Ini kerana gerakan-gerakan modernisme yang berakarakan falsafah Barat telah menyebabkan timbulnya kesan-kesan negatif dalam pemikiran masyarakat Islam. Dalam erti kata lain, impak positif yang diharapkan tidak berhasil. Sebaliknya pula yang berlaku iaitu sebahagian masyarakat Islam mula memandang rendah agama Islam malah ada yang bertanggapan ajaran Islam sudah ketinggalan dan tidak selari dengan arus perdana dunia masa kini.

Charles Kurzman merupakan antara pelopor utama fahaman Islam Liberal. Karyanya *Liberal Islam: A Source Book* dianggap rujukan klasik dalam fahaman Islam liberal. Dalam antologi ini, Kurzman menyunting tiga puluh dua artikel yang dihasilkan oleh penulis-penulis Islam yang beliau anggap bersimpati dengan fahaman liberalisme Barat. Walaupun Barat telah hampir melupakan perbincangan tentang tradisi liberal yang wujud dalam agama Islam, sebahagian besar penulis ini begitu dikenali dalam negara masing-masing sebagai pengkagum fahaman liberalisme, demokrasi dan toleransi agama. Antara penulis ini ialah: AbdulKarim Soroush, tokoh ketua aliran pembangkang di Iran; Nurcholish Madjid, tokoh intelektual yang terkenal di Indonesia; Mahmud Mohamed Taha, tokoh pembaharu agama di Sudan; dan 'Ali 'Abd al-Raziq, sarjana agama di Mesir yang mencadangkan pemisahan agama dari negara dan menjadi isu kontroversi sejak tahun 1920-an. Dalam pengenalan analisis beliau, Kurzman memulakan perbincangan dengan menyentuh sejarah tradisi liberal dalam Islam dan mengenalpasti beberapa parameter penting dalam pemikiran penting fahaman Islam liberal. Antaranya ialah beliau berpandangan bahawa idea Islam Liberal berasal daripada tokoh modernis Islam. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa Islam Liberal bukanlah satu wacana

baru. Sebaliknya, ia sudah bermula dengan gerakan-gerakan modernis seperti Rif'at al-Tahtawi, Ali Abd Raziq, Hasan Hanafi dan Muhammad Arkoun dan sebagainya.

Kebangkitan faham fundamentalisme Islam pada tahun 1980-an telah mempengaruhi sebahagian besar negara-negara Islam untuk menolak tradisi liberal yang dibawa oleh Barat. Penolakan ini dikatakan telah menghentikan siri-siri dialog antara Barat dan Islam, dan sebagai alternatif muncul gerakan Liberalisme di Timur Tengah. Pandangan ini diutarakan oleh Leonard Binder dalam bukunya *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*. Melalui Islam Liberal, Binder berharap dapat menghidupkan semula dialog Barat-Islam. Dalam karya ini, beliau turut memberi respon kepada kritikan Edward Said terhadap Orientalisme. Binder turut memberi komentar terhadap idea fundamentalisme yang dibawa oleh Sayyid Qutb dan mencabar pandangan Samir Amin tentang peranan Mesir untuk membangunkan bangsa Arab. Pemikir-pemikir lain yang turut disentuh oleh Binder ialah Tariq al-Bishri, Zaki Najib Mahmud, Arkoun and Laroui masing-masing dengan idea pragmatisme dan strukturalisme. Binder cuba mengengahkan perbincangan kritikal dan memberi fokus yang lebih kepada persoalan utama tentang demokrasi dan kebebasan politik. Antara usaha yang dijalankan termasuklah membuka semula pintu dialog antara prinsip moden Barat dengan prinsip tradisional Islam. Binder turut membuat kesimpulan bahawa faham Barat dan Islam mempunyai beberapa aspek persamaan yang menyangkuti persoalan liberal, demokrasi dan liabiliti awam. Di bahagian akhir buku ini, beliau menyentuh tentang prospek fahaman Islam Liberal di tiga buah negara Islam moden iaitu Mesir, Turki dan Iran.

Dalam *Rethinking Islam: Common Questions, Uncommon Answers*, Mohammed Arkoun jelas mengemukakan pandangan menolak sistem pemerintahan Islam radikal dan kumpulan Islam militan. Sebagai pengkaji dalam bidang sosial sains moden di Barat dan pengkagum fahaman Liberalisme, beliau cuba memisahkan diri dari pengaruh orientalis Barat

dan konsepsi Liberalisme Barat. Dalam karya ini, Arkoun cuba menulis jawapan-jawapan terhadap dua puluh empat soalan utama yang ditanya oleh khalayak pembaca Barat tentang ajaran Islam. Melalui penulisan ini, Arkoun telah memberi pengenalan tentang agama Islam dalam dimensi yang berbeza. Dalam erti kata lain, beliau cuba mengemukakan kritikan dan komentar yang radikal terhadap ajaran Islam. Sebagai contoh, Arkoun cuba membawa idea bahawa semua agama mempunyai persamaan dari sudut ajarannya. Melalui persamaan ini, semua penganut agama harus mempunyai satu kepercayaan bersama (a joint theology) terhadap konsep wahyu dan penurunan kitab-kitab suci. Arkoun turut menambah bahawa tradisi kerohanian sudahpun sedia wujud dalam setiap agama dan yang perlu dilakukan ialah mencari jalan untuk mewujudkan rasa keberadaan dalam satu kepercayaan spiritual yang tunggal.

Di Indonesia muncul Nurcholis Madjid yang mempelopori gerakan Islam Liberal bersama dengan Djohan Efendi, Ahmad Wahid dan Abdurrahman Wachid. Nurcholis Madjid telah memulai gagasan pembaharuannya sejak tahun 1970. Dikenali juga dengan nama Cak Nur, beliau begitu aktif melaungkan fahaman Islam Liberal sehingga terbentuk satu gagasan liberalisme Islam di Indonesia yang dikenali dengan nama Jaringan Islam Liberal. Idea liberalisme beliau banyak dimuatkan dalam karya yang berjudul *Pluralitas Agama: Kerukunan dalam Keragaman*. Nurcholis cukup aktif dalam menganjurkan toleransi antara agama-agama dunia semaksimum mungkin. Dalam karya yang sama, beliau menjelaskan mengemukakan istilah *inclusivism* dan *exclusivism*. Nurcholis menulis:

Umat Islam pun diperintahkan untuk sentiasa menegaskan bahawa kita semua, para penganut kitab suci yang berbeda-beda itu, sama-sama menyembah Tuhan yang Maha Esa, dan sama-sama pasrah (muslimun) kepadaNya.

Dakwaan Nurcholis menggambarkan bahawa kebenaran dan keselamatan suatu agama bukan monopoli sesuatu agama. Justeru, adalah sesuatu menjadi satu kesalahan besar jika seseorang individu menganggap bahawa hanya agamanya sahaja yang benar dan betul.

4. Islam Liberal di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, perlu dibezakan antara aliran Islam Liberal dengan pendekatan liberalisme pihak-pihak tertentu seperti Open Dialogue Centre (ODC), yang perjuangannya merangkumi antara lain kebebasan berfikir bagi individu, pembatasan kekuasaan, penegakan hukum, pertukaran gagasan yang bebas, ekonomi pasar yang mendukung usaha peribadi (*private enterprise*) yang relatif bebas, dan suatu sistem pemerintahan yang telus, yang di dalamnya hak-hak kaum minoriti dijamin.

Antara literatur yang ditinjau untuk melihat perkembangan awal gerakan Islam liberal di Malaysia ialah kumpulan kertas-kertas kerja yang telah dihasilkan melalui satu seminar pada tahun 2006. Pada tahun ini, Bahagian Pengurusan Dakwah, JAIS dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah menganjurkan Seminar Penjelasan Ajaran Sesat (Pemikiran Islam Liberal), Peringkat Negeri Selangor di Dewan Bankuet Seri Bestari Hotel Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam. Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan dalam seminar yang berlangsung selama satu hari ini. Kertas kerja pertama bertajuk Isu-isu Sentral Dalam Pemikiran Islam Liberal dibentangkan oleh Dato' Ugi Suharto, Pensyarah Kuliyyah Ekonomi dan Pengurusan Ekonomi, UIAM. Kertas kerja kedua bertajuk Islam Liberal dan Kedudukan Dalam Tradisi Islam dibentangkan oleh Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahrin, Pensyarah Jabatan Usuluddin, Kuliyyah Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIAM. Pembentangan ketiga membincangkan kertas kerja bertajuk Gerakan Islam Liberal di Malaysia yang dibentang bersama oleh Yusri bin Muhammad, Presiden Angkatan Belia Malaysia (ABIM) merangkap Pengerusi Pertubuhan NGO's

Membela Islam (PEMBELA) dan Gabungan Bersekutu NGO's Islam Semalaysia (ACCIN) dan Khalif Muammar bin Harris, Pensyarah Kolej Dar al-Hikmah. Manakala kertas kerja keempat membincangkan kertas kerja bertajuk Aliran Pemikiran Liberal Ancaman Terhadap Keselamatan Negara yang dibentangkan oleh Zainal Abidin bin Jalil dari Kementerian Keselamatan Dalam Negara, Jabatan Perdana Menteri. Hasil daripada pembentangan keempat-empat kertas kerja tersebut, satu resolusi telah digariskan seperti berikut:

1. Aliran Pemikiran Islam Liberal yang sedang dikembangkan di Malaysia dalam pelbagai cara ketika ini mestilah dibendung dan disekat daripada terus disebar.
2. Usaha-usaha untuk menerangkan kepada masyarakat tentang bahaya Aliran Pemikiran Islam Liberal mestilah diteruskan dan digiatkan lagi melalui pelbagai kaedah seperti seminar, bengkel, penulisan-penulisan ilmiah, khutbah Jumaat dan diwar-warkan dalam media elektronik dan media cetak.
3. Memperkukuhkan tradisi pendidikan Islam di sekolah-sekolah di mana orang Islam perlu dididik dengan tradisi ilmu yang benar, yang mantap asas-asas agamanya iaitu dalam aspek pemahaman dasar asas tauhid.
4. Islam merupakan satu-satunya agama yang benar yang tidak boleh disamakan dengan mana-mana agama sekalipun. Oleh itu, konsep semua agama adalah sama hendaklah diperbetulkan.
5. Pihak yang berkuasa perlulah mengenalpasti individu-individu dan organisasi-organisasi yang terlibat membawa fahaman Aliran Pemikiran Islam Liberal. Mereka dipanggil oleh pihak berkuasa, diajak berbincang dan diperbetulkan aqidah mereka.
6. Pihak berkuasa hendaklah bekerjasama dengan badan-badan dakwah menangani Aliran Pemikiran Islam Liberal ini secara bersepadu.

Liberalis perlu dikenali melalui pemikiran dan fahaman yang mereka pegang, bukan melalui nama dan slogan yang mereka zahirkan. Golongan ini memiliki pelbagai nama. Dapat dirumuskan bahawa dari segi teologi, golongan liberal berpegang kepada teologi inklusif-pluralis atau pluralisme agama dengan maksud fahaman bahawa semua agama benar. Dari segi epistemologi mereka berpegang kepada relativisme, bahawa seseorang itu tidak mungkin mencapai kepastian dalam hal-hal keagamaan. Mereka juga menyuarakan kesetaraan gender (*gender equality*) dan beranggapan bahawa Islam telah merendahkan martabat wanita. Antara

buku yang terkenal mempromosikan fahaman Islam liberal ialah *Islam & Pluralisme* yang disunting oleh Al-Mustaqeem Mahmood Radhi & Khairul Anam Che Menteri yang diterbitkan oleh Middle Eastern Graduate Centre¹, Damansara, Kuala Lumpur. Buku ini diterbitkan pada tahun 2006. Antologi ini merupakan suntingan terhadap artikel-artikel daripada enam ahli akademik dan pemikir. Antara perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini ialah: “Bercakap tentang Pluraliti: Aku Manusia vs Aku Muslim”, oleh Al-Mustaqeem Mahmood Radhi; “Pluralitas Makna Pluralisme (Agama)”, oleh Suratno, pensyarah Jabatan Falsafah & Agama, Universitas Paramadina, Jakarta, Indonesia; “Iman dan Kemajmukan Masyarakat Intra-Umat Islam”, oleh Nurcholish Madjid; “Islam dan Pluralisme”, oleh Asghar Ali Engineer; “Macam-macam Jalan ke Syurga”, oleh Reza Shah-Kazemi, sarjana dalam bidang Perbandingan Agama dan bekas konsultan di Institut Kajian Dasar (IKD); “Kristian di Masjid Nabawi: Renungan ke dalam Sunnah”, oleh Reza Shah-Kazemi; “Pluralisme Keagamaan dan Islam” oleh John Hick, Profesor Emeritus dalam bidang falsafah agama; dan “Etika Global”, oleh Hans Kung, Presiden Global Ethics Foundation dan juga penggerak utama bidang dialog antara tamadun (inter-civilizational dialogue) di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

5. Penutup

Fahaman Islam liberal di Malaysia banyak dibincangkan dalam pelbagai bentuk forum dan diskusi terutama dalam web/blog peribadi. Karya-karya Islam liberal tidak banyak didapati dalam bentuk buku atau majalah. Berdasarkan kepada senario ini, andaian awal menunjukkan

¹ Middle-Eastern Graduates Centre (MEGC) adalah sebuah pusat kajian dan penerbitan bagi mempromosi isu-isu kebebasan dan masyarakat sivil, berlandaskan tradisi keagamaan dan pemikiran moden. Prinsip-prinsip utama yang menjadi perhatian MEGC ialah kebebasan individu, keterbukaan, persaingan dan kemandirian. MEGC didukung oleh peminat dan pengkaji sejarah, budaya, pemikiran dan isu-isu rantau Timur Tengah. Pengasasnya ialah Al-Mustaqeem Mahmood Radhi, lulusan bidang syariah di Universiti Mu'tah, Jordan, seorang penterjemah buku, editor majalah dan wartawan/penulis isu-isu Islam, falsafah dan seni budaya.

bahawa gerakan Islam liberal meletakkan sasaran penyebaran fahaman mereka kepada masyarakat Islam golongan profesional; intelektual dan generasi moden di Malaysia. Kerana golongan ini adalah yang paling ramai melanggan kemudahan internet atau yang paling banyak menggunakan kemudahan ICT. Hal yang menarik perhatian untuk dilakukan kajian selanjutnya ialah bagaimanakah fahaman Islam liberal boleh tersebar dengan meluas di Malaysia. Walaupun penyebaran hanya intensif dilakukan melalui internet, namun fahaman ini berjaya mempengaruhi masyarakat. Untuk mengupas persoalan ini, kaedah temubual berstruktur akan dilakukan ke atas beberapa informan yang dikenalpasti melalui metod persampelan purposif. Satu set soalan yang seragam telah dibina untuk dikemukakan kepada kumpulan informan ini. Selain itu, informan juga akan diminta menjadi *key-informant*. Dalam erti kata lain, informan akan diminta memberi kerjasama mengemukakan nama individu lain yang berpotensi untuk memberi maklumat tentang topik yang dikaji.

Juga, di sepanjang kajian ini dan jika perlu pengkaji akan menggunakan tafsir al-Qur'an yang ditulis oleh Ibn Kathir, dan untuk terjemahan Bahasa Malaysia edisi Tafsir Pimpinan Rahman akan digunakan, manakala edisi Saheeh International akan digunakan untuk terjemahan Bahasa Inggeris. Bagi rujukan terhadap hadith, pengkaji akan merujuk kepada koleksi *Sunan Sittah* yang dikumpul oleh al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Nasa'i. Untuk memudahkan kerja-kerja pencarian hadith-hadith tertentu, pengkaji bercadang untuk membeli perisian indeks hadith dalam bentuk CD-ROMs.

Laporan Fasa 2: Kajian lapangan

Pendahuluan

Dalam laporan ini, tumpuan hanya diberikan kepada kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan pada bulan April hingga Julai 2008. Berdasarkan carta aliran metodologi kajian seperti yang dimuatkan dalam carta gantt (lihat jadual 1), aktiviti penyelidikan hanya menyangkuti hal-hal yang berkaitan dengan pengumpulan data dan temubual.

Jadual 1: Carta Gantt

Aktiviti projek	Tahun 2008											
	D/07	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N
1. Tinjauan literatur dan kajian berkaitan												
2. Pengumpulan data (Kepustakaan)												
3. Temubual												
4. Analisis data												
5. Penulisan laporan akhir												

Laporan ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian:

Bahagian I iaitu:

- analisa terhadap kaitan Islam Liberal dengan anti-hadith di Malaysia
- analisa terhadap kaitan Islam Liberal dengan gerakan emansipasi wanita

Bahagian II iaitu:

- laporan temubual terhadap tokoh-tokoh Islam Liberal di Malaysia
- laporan temubual terhadap tokoh-tokoh Islam Liberal di Indonesia

Bahagian I

1. Kaitan Islam Liberal dengan anti-hadith di Malaysia

Setakat analisa yang dijalankan, dapat dirumuskan antara pemikiran anti hadith di Malaysia² dan Islam Liberal tiada kaitan secara langsung. Namun antara kedua-dua golongan ini terdapat kaitan secara tidak langsung yang amat penting. Antara yang dapat dirumuskan ialah:

1. Walaupun kedua-dua golongan anti hadith dan Islam Liberal adalah dua kelompok yang berlainan namun kedua-dua golongan ini adalah sama dari bahayanya kepada Islam. Mereka bergerak seiring dalam banyak hal yang bertentangan dengan ajaran Islam *ahl sunnah wa al-jama'ah*.

2. Secara umumnya, kedua-dua golongan ini mendapat pengaruh dari golongan orientalis yang sama seperti Ignaz Goldziher (1850-1921), C. Snouck Hurgronje (1857-1936) dan Joseph Schacht (1902-1969). Kedua-dua golongan juga terpengaruh dengan pemikiran humanisme sekular sama ada berbentuk liberal atau marxis.

3. Kedua-dua golongan mempunyai pemikiran antara lain, ajaran dan fahaman yang menolak hadith sahih (iaitu hadith yang disahkan bersumber daripada Rasulullah s.a.w.) sebagai sumber aqidah dan perundangan Islam, menghina al-Qur'an dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Qur'an. Bagi golongan Islam Liberal, walaupun tidak menolak hadith secara total tetapi mereka hanya menghadkan penerimaan hadith-hadith mutawatir. Itupun setakat mengakui bahawa isi kandungannya hanya relevan dalam konteks zaman Rasulullah s.a.w.

² Di Malaysia, pemikiran anti hadith dipelopori oleh Kassim Ahmad. Secara rasminya golongan ini telah menubuhkan Jema'ah al-Qur'an Malaysia, atau ringkasnya JAM, pada 11 Jun, 1995 di Universiti Malaya. Forum Iqra' pula didaftarkan sebagai sebuah syarikat dengan nama Forum Iqra Berhad. Beralamat Forum Iqra' Berhad 123-1-14, Wisma. KGN Pengkalan Weld, 10300 Pulau Pinang.

4. Pemikiran yang liberal mengikut fahaman sendiri dan tafsiran al-Qur'an mengikut logik. Antara hujah-hujah mereka yang mempertikaikan hadith-hadith kitab sahih ialah mengajak muslimin menggunakan akal dan tidak bertaqlid buta. Golongan yang mempertikai hadith ahl al-sunnah wa al-jamaah bukan sahaja datang dari golongan anti hadith tetapi juga dari aliran-aliran Islam yang lain terutama yang sama alirannya. Antaranya seperti Islam Liberal. Terdapat juga aliran-aliran Islam yang berhujah menolak perawi-perawi hadith dan seterusnya apabila perawi sudah ditolak maka aliran sunni pula ditolak.

5. Golongan anti hadith seringkali bersekongkol dengan usaha-usaha kunci-kunci Islam Liberal di Malaysia seperti Sisters In Islam (SIS) dan Interfaith Commission of Malaysia (IFC)³. Contohnya, kedua-dua forum Iqra dan SIS menyokong penubuhan Inter-Religion Council (IRC) dan juga terlibat dalam kenyataan bersama bahawa kerajaan tidak berhak mengawasi akhlak rakyat dalam isu pada tahun 2005. Begitu juga isi aurat wanita dan lain-lain isu feminisme, hukum hudud serta murtad. Malah banyak lagi persamaannya dalam isu-isu yang lain bertitik tolak dari penafian mereka tentang hujahan hadith.

6. Di Malaysia istilah "Islam Liberal" bolehlah dilihat sebagai satu "trend" pemikiran yang dianuti oleh pelbagai individu dan kumpulan dengan objektif masing-masing. Ini termasuklah pemikiran "feminisme", "anti-hadith", "kebebasan berfikir" dan "human rights". Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa golongan anti hadith ini adalah cabang kepada pemikiran Islam Liberal. Walaupun di Malaysia yang lebih dahulu dikenali ialah golongan anti hadith, tetapi sebenarnya ia adalah hasil dari pemikiran agama yang liberal yang telah lama muncul.

7. Kesan pemikiran kedua-dua golongan ini membawa kepada beberapa prinsip umum yang dipegang oleh mereka iaitu:

³ Dulunya dikenali sebagai IRC.

- a. Setiap individu adalah bebas untuk menafsirkan al-Qur'an dan memahami hadith. (Ini dalam konteks hadith yang diterima oleh golongan Islam Liberal sahaja).
- b. Menggalakkan pemikiran yang lebih kritikal dan pelbagai dalam menilai, memahami dan interpretasi teks agama atau kisah-kisah sejarah umat Islam terdahulu dalam konteks masakini.
- c. Persamaan jantina dalam semua aspek termasuklah persoalan solat dan lain-lain amalan.
- d. Pandangan yang lebih bebas dalam penerimaan budaya moden terutama dalam aspek pakaian dan amalan harian.
- e. Penggunaan ijtihad dalam erti kata kebebasan berfikir dan meraikan fitrah manusia dalam menentukan betul atau salah adalah digalakkan.

2. Kaitan Islam Liberal dengan gerakan emansipasi wanita di Malaysia

Gerakan emansipasi wanita juga dikenali dengan nama feminisme. Feminisme merupakan satu isme yang mempunyai sejarahnya tersendiri. Isme ini diperkenalkan di Perancis di sekitar abad ke-19 atau lebih tepat lagi pada tahun 1880-an oleh Hubertine Auclert dalam jurnalnya yang berjudul 'La Citoyenne'. Karya beliau bertujuan untuk mengkritik dominasi lelaki dan untuk menuntut hak dan kebebasan wanita seperti yang dijanjikan oleh Revolusi Perancis.⁴

Pengkaji feminisme Karen Offen menjelaskan bahawa sejak kemunculannya feminisme telah diberi pelbagai definisi. Ia telah digunakan untuk pelbagai maksud dan telah

⁴ Margot Badran. Islamic Feminism: what's in a name? www.feministezine.com/feminist/international/Islamic-Feminism-01.html. Tarikh akses 11 Ogos 2008.

mencetuskan inspirasi kepada banyak pergerakan dan aktiviti. Pada awal abad ke-20, istilah feminisme muncul di Britain dan kemudian pada tahun 1910-an di Amerika Syarikat.⁵ Gerakan ini difokuskan pada satu perjuangan iaitu untuk mendapatkan hak mengundi. Setelah berjaya mendapatkan hak ini pada tahun 1920, gerakan feminisme semacam tidak lagi aktif.⁶

Selepas Betty Frieden menerbitkan buku yang berjudul “The Feminine Mystique” pada tahun 1960-an. Gerakan feminisme mendapat momentumnya untuk bergiat aktif kembali. Buku ini mengilhamkan kesedaran baru bahawa tafsiran tradisional terhadap peranan wanita ternyata telah meletakkan mereka pada kedudukan yang tidak menguntungkan iaitu apa yang disebut sebagai subordinasi wanita. Bertitik tolak dari kesedaran inilah kemudian muncul teori-teori feminis seperti feminisme radikal, feminisme Marx, ekofeminisme dan feminisme liberal.

Isu utama yang diperjuangkan oleh golongan feminisme liberal ialah bagaimana untuk mewujudkan kesetaraan gender secara kuantitatif. Dalam erti kata lain, lelaki dan perempuan mesti sama-sama mengambil peranan sama ada di dalam rumah mahupun di luar rumah. Mereka mempunyai pandangan bahawa perbezaan peranan berasaskan gender ini berlaku adalah disebabkan tuntutan budaya setempat bukan kerana perbezaan biologi.⁷

Pada pandangan penulis, ideologi liberal sebeginilah yang sentiasa menjadikan wanita melihat golongan lelaki dengan penuh kecurigaan. Juga, sikap ini telah merebak kepada isu yang lebih penting dari itu. Iaitu mereka sentiasa mencurigai golongan ulama’ terutamanya yang hidup pada zaman klasik. Mereka menganggap para ulama’ ini dengan sengaja menfasirkan ayat-ayat al-Qur’an dan hadith secara bias gender agar dapat sentiasa

⁵ *Ibid.*

⁶ Azhari Akmal Tarigan. (2007). *Feminisme dan Islam: Catatan Kecil Menyambut Hari Kertini 21 April 2007*. www.waspada.co.id/serba_waspada/mimbar_jumaat. Tarikh akses 9 Ogos 2008.

⁷ Ratna Megawangi. (1999). *Membiarkan Berbeza*. Bandung: Jakarta, hal. 9-10.

mengekalkan hegemoni lelaki terhadap wanita. Inilah intipati teori dalam fahaman feminisme liberal. Oleh itu, mereka percaya bahawa perubahan yang dilakukan juga harus dimulai dengan menyusun semula struktur sosial masyarakat yang didominasi oleh lelaki.

Melalui kajian yang dijalankan tentang sejarah kemunculan feminisme Islam, fakta-fakta berikut menunjukkan kaitan langsung antara Islam Liberal dan feminisme Islam:

1. Pemikiran feminisme Islam mula diperkenalkan di Mesir pada awal tahun 1920-an dan menjadi popular selepas tahun 1990. Tokoh terkenal yang gigih memperjuangkan 'Islamic feminism' ialah seperti Dr. Amina Wadud, Dr. Fatima Mernissi dan Irshad Manji di Amerika Syarikat. Fokus aktiviti mereka ialah kepada tafsiran semula ayat-ayat al-Qur'an dan hadith yang berkaitan dengan wanita.

2. Isu yang sering ditimbulkan oleh golongan feminisme Islam ialah bahawa al-Qur'an menetapkan prinsip kesetaraan dalam kalangan manusia. Namun begitu, mereka beranggapan bahawa prinsip murni ini telah diubah oleh golongan ulama' yang menafsirkan teks-teks dalil berasaskan budaya patriakal dalam masyarakat Arab. Dalam erti kata lain, sikap diskriminasi terhadap golongan wanita adalah berpunca dari tindakan yang berasaskan pemikiran sempit ulama' ini. Atas sebab itu, mereka mahu teks-teks wahyu ditafsir semula agar lebih sesuai kepada paradigma moden yang lebih mesra gender dan kaum.

3. Sudut pandang berfikir kebanyakan personaliti dalam feminisme Islam telah terkesan dan terpengaruh dengan metod penafsiran ala Islam Liberal.⁸ Tokoh-tokoh fahaman Islam Liberal progresif tidak berpuashati dengan kebanyakan tafsiran klasik terhadap teks-teks wahyu. Oleh itu, mereka mahu satu tafsiran semula yang lebih terkini dan sesuai dengan kerangka intelektual dan budaya ilmiah masyarakat tempatan.

⁸ Penjelasan yang detil tentang metodologi pemikiran Islam Liberal telah ditulis dalam laporan kajian fasa 1. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laporan ini.

4. Metodologi asas yang digunakan oleh para aktivis gerakan feminisme Islam ini ialah metodologi ijthad klasik dan tafsir. Di samping itu, beberapa metod lain juga harus digunakan seperti metod sosiologi, antropologi, linguistik, sejarah, kritikan sastera, sains dan lain-lain. Pendekatan ini adalah sama dengan metodologi yang digunakan dalam fahaman Islam Liberal.

Di Malaysia, gerakan dan aktiviti feminisme adalah sangat dekat dengan pertubuhan bukan kerajaan seperti SIS. Paradigma dan cara berfikir mereka adalah sama sahaja seperti yang dimiliki oleh personaliti-personaliti feminisme lain di seluruh dunia. Aktivis wanita dalam SIS seringkali mempersoalkan kenapa Islam sebagai agama yang adil meletakkan lelaki lebih tinggi berbanding wanita. Mereka tidak dapat memahami bahawa golongan lelaki lebih utama daripada perempuan kerana beberapa kelebihan dan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah SWT. Status dan penghormatan tidak diberikan secara percuma kepada lelaki. Ada banyak perkara yang perlu dilakukan oleh lelaki.

Berdasarkan kajian terhadap gerakan feminisme Islam di Malaysia, isu-isu utama yang sering diperbahaskan ialah seperti isu poligami, batas pakaian dan aurat wanita, reformasi terhadap undang-undang keluarga Islam dan isu murtad. Dalam perenggan berikutnya dimuatkan beberapa petikan dalam surat-surat rasmi yang dikeluarkan oleh SIS berhubung isu-isu di atas. Hal yang perlu dijelaskan ialah laporan ini hanya akan melaporkan pendirian mereka tanpa disertai dengan hujah balas.

1. Isu poligami

Surat SIS diterbitkan dalam *The New Straits Times* (10/1/2002) dan *The Sun* (11/1/2002):

Therefore, the question that should be addressed in our society today is not on whether polygamy should be re-legalized under the civil law for the non-Muslims, but whether it should be continued under the Islamic family law for the Muslims, bearing in mind true purpose of the Qur'anic injunctions on

polygamy: “if you fear you cannot deal justly (with your wives), marry only one (wife).”

The Star (22/10/1996):

It is clear that there is confusion over the intent of polygamy in Islam and on how the laws on polygamy should operate and be administered in this country. First, a reading of surah al-Nisa', 4:3 and 4:129 in the Qur'an clearly shows that polygamy is not a right in Islam but a responsibility to ensure that socio-economic justice be done to orphans. Verse 4:3 in fact restricted polygamy to a maximum of four wives, this at a time when men could marry as many wives as they wanted. Second, because polygamy is not a right. Allah placed conditions on its practice, with an overriding concern that justice be done: "...if you fear that you shall not be able to deal justly (with them), then (marry) only one." This is further reinforced by verse 4:129 which states: "You are never able to be fair and just between women even if that were your ardent desire." It is clear that the intention of the Qur'an is to restrict polygamy; many theologians over the centuries have stated that, in fact, the Qur'an advocates monogamy as the original and ideal state of marriage in Islam.

2. Batas pakaian dan aurat wanita

Surat SIS diterbitkan dalam The New Straits Times (9/8/1997) dan Utusan Malaysia (9/8/1997):

The *khimar* has been referred to by some scholars as a head-covering customarily worn by Arab women in pre-Islamic times as an ornament that was let down loosely over the wearer's back; in accordance with the fashion of the time, the upper part of the woman's tunic had a wide opening in the front, and her breasts were left bare. Hence, the reference to cover the bosom by means of a *khimar* does not necessarily relate to the use of a *khimar* as such. Commentaries on the surah note that the injunction meant to make it clear that a woman's breasts are not included in the concept of "that which a human being may openly display in accordance with prevailing custom."

The final verse in *Surah an-Nur* on modesty and dress, 24:60, allows women "...advanced in years who no longer feel any sexual desire..." to discard their (outer) garments, provided they do not aim at a wanton display of their beauty.

Surah an-Nur essentially discusses what are the private parts that must not be wantonly displayed. The common thread of these verses is to advocate modesty and moderation.

A later Medinan Surah, *al-Ahzab*, 33:59, enjoins the Prophet's wives, daughters and the believing women to draw their cloaks (*jalabib*) around themselves when they go out in public so that they are recognised as respectable women and are not molested. These verses do not lend themselves to the interpretation that the Qur'an espouses a specific type of dress. They infer that modesty can

be achieved in different forms of dress suitable to different cultures, times and places.

The specific dress, *jilbab*, worn by wealthy and privileged women of pre-Islamic Arabia, marked them in public as women who were protected and therefore to be respected. This eventually became the dress of modesty during the time of the Prophet s.a.w. The verse 33:59 enjoins believing women to don this cloak so that they, too, could be treated with respect and not be molested. The universal principle here is respect for women, not the use of the *jilbab* which is culturally and historically specific.

3. Reformasi terhadap undang-undang keluarga Islam

Kenyataan yang dikeluarkan oleh SIS dalam Baraza (A Sisters in Islam Bulletin), Vol. 1 No. 1, 2005, hal. 01 dan 06:

The classical juristic framework of marriage in Islam was influenced by the logic of a contract of sale. In exchange for a dower, a woman comes under her husband's authority. At the core of this marriage contract is the wife's submission (*tamkin*), defined as unhampered sexual availability, which is regarded as a man's right and a woman's duty, in exchange for maintenance (*nafaqa*), defined as shelter, food and clothing, which is a woman's right and a man's duty.

Given the realities and complexities of our lives today, such a conception of marriage is no longer sustainable. The 20th century saw the slow reform of personal status laws in many parts of the Muslim world to deal with the complaints of injustice and suffering of women. Common approaches have focused on adding conditions to the marriage contract to protect women's rights, and to reform substantive provisions in area such as polygamy and divorce to minimise the discrimination and hardships women face.

Islamic family laws in Malaysia should be reformed because they discriminate against women. While the message of the Qur'an is that men and women are equal, the message of the laws is that men have no more rights than women...Whenever reforms of Islamic laws are proposed, the proposals are met with opposition and fear that Islam itself is to be reformed. While it is understandable that many think of "Islamic law" as sacred and immutable, deeper reflection into the history and development of the law reveals that reforming present-day Islamic laws will not threaten Islam because these laws are man-made *fiqh*, not divinely revealed shariah. The basic principles of shariah are absolute, but the non-basic principles of *fiqh*, which are non-divine interpretation of the shariah, are not absolute. Because of this, *fiqh* can be and has, over the years, been changed to conform better reflect current Muslim societies.

4. Isu murtad

Surat SIS diterbitkan dalam The New Straits Times (24/7/1999), The Star (24/7/1999) dan Utusan Malaysia (24/7/1999):

Sisters in Islam is opposed to any effort to legislate on faith. The Qur'an is explicit and consistent in its recognition of freedom of religion. In *Surah al-Baqarah*, 2:256, Allah explicitly states: "*Let there be no compulsion in religion.*" This Medinan verse was revealed when some Companions asked the Prophet for permission to compel their relatives to profess Islam. It has been widely interpreted to mean that no one can be compelled to embrace Islam. It has been widely interpreted to mean that no one can be compelled to embrace Islam. Religion depends upon faith and will, and this would be meaningless if included by force. Islam itself means submission to the will of God; and the willing submission of the self to faith and belief must be attained through conviction and reason, not through coercion and duress.

According to those who support punishment for apostasy, verse 2:256 is meant only to apply to non-Muslims, i.e. one cannot use force to convert a non-Muslim to Islam. They say, however, that once you are a Muslim, you lose the freedom to leave Islam.

Freedom of religion must necessarily recognise the freedom to change religion. How can Muslims demand this notion of religious freedom for those wishing to convert to Islam and at the same time argue the denial of this freedom to those wishing to repudiate their faith in Islam?

Such an argument limits the scope of the broad humanistic meaning of this verse and imposes a double standard on faith and freedom that undermines an outstanding principle of Islamic justice which recognises freedom of religion, differences and diversity among humankind. Moreover, the Qur'an in some 20 verses on belief and disbelief does not prescribe any temporal punishment for apostasy. While many eminent Muslim jurists viewed renunciation of faith as an offence, they regarded the matter as one between man and his Creator, and its punishment is postponed to the Day of Judgement.

Atas nama gerakan emansipasi wanita yang menjadi ruh kepada gerakan feminisme, para wanita Islam cuba diyakinkan untuk mempercayai bahawa gagasan-gagasan feminisme merupakan jawapan kepada persoalan-persoalan wanita yang telah dizalimi selama ini. Sebahagian besar pemikiran feminisme yang berdiri di atas andaian-andaian yang salah adalah bertentangan dengan akidah dan syariat Islam. Malah seperti yang ditunjukkan dalam analisa di atas bahawa merebaknya gagasan feminisme di dunia Islam sebenarnya adalah sejalan dengan gerakan liberalisme progresif di negara-negara Islam.

Bahagian II

Bahagian ini ialah laporan kajian lapangan tentang Islam Liberal dan Islam Liberal di Malaysia. Pemilihan sampel informan dibuat dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*).⁹ Bagi menjamin kesahan dan ketepatan data yang diperolehi serta mencapai objektif kajian, hasil temubual telah dirakamkan. Semua temubual ini dilakukan secara individu dan melalui kaedah temubual berstruktur (*structured interview*). Iaitu satu set soalan temubual yang seragam telah dibina dan setiap informan disoal dengan menggunakan set soalan yang sama. Set soalan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu: pertama ialah soalan untuk pihak yang pro terhadap Islam Liberal; dan kedua ialah soalan untuk pihak yang kontra terhadap Islam Liberal.

Kesemua objektif kajian dan soalan temubual ditunjukkan dengan lebih jelas dalam jadual 2 dan jadual 3.

Jadual 2: Objektif Kajian dan Soalan Temubual Kepada Pihak Pro Islam Liberal

Objektif Kajian	Soalan Temubual
1. Mengenalpasti kerangka pemikiran Islam Liberal	i. Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?
2. Menganalisis corak pemikiran Islam Liberal	ii. Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal? iii. Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam? iv. Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

⁹ Teknik ini termasuk di dalam kategori Persampelan Bukan Kebarangkalian. Ia merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Ini menyebabkan subjek-subjek kajian lain dalam populasi tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden.

3. Mengenalpasti faktor sambutan masyarakat serantau terhadap pemikiran Islam Liberal	v. Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Malaysia/Indonesia? vi. Kenapa sebilangan rakyat Malaysia/Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?
4. Menilai kelestarian pemikiran Islam Liberal	vii. Apakah impak positif Islam Liberal? viii. Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

Jadual 3: Objektif Kajian dan Soalan Temubual Kepada Pihak Kontra Islam Liberal

Objektif Kajian	Soalan Temubual
1. Mengenalpasti kerangka pemikiran Islam Liberal	i. Apakah pandangan dari perspektif ahl al-Sunnah wa al-Jamaah terhadap fahaman Islam Liberal?
2. Menganalisis corak pemikiran Islam Liberal	ii. Apakah ciri-ciri Islam Liberal yang menjadikannya terkeluar dari ajaran Islam? iii. Adakah Islam Liberal juga satu ancaman kepada golongan bukan Islam?
3. Mengenalpasti faktor sambutan masyarakat serantau terhadap pemikiran Islam Liberal	iv. Kenapa sebilangan rakyat Malaysia/Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?
4. Menilai kelestarian pemikiran Islam Liberal	v. Apakah impak negatif Islam Liberal? vi. Bagaimanakah cara untuk menangani fahaman ini agar tidak menular lebih meluas lagi? vii. Perlukah badan-badan berkuasa di Malaysia memperkenalkan atau menguatkuasakan garis panduan bahaya Islam Liberal kepada umat Islam di Malaysia?

1. Laporan temubual

Setakat ini, hanya tiga informan yang berjaya ditemubual. Masing-masing mewakili golongan pro dan kontra. Pihak pertama ialah personaliti yang dianggap pro Islam Liberal iaitu Norhayati Kaprawi dari SIS Forum Malaysia. Beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Program Unit Pendidikan Umum dan Komunikasi. Informan kedua ialah Astora Jabat, Jurnalis dan bekas Editor Majalah al-Islam terbitan Utusan Karya Sdn. Bhd. Informan ketiga ialah Kassim Ahmad, pengarang buku *Universiti Kedua* dan *Hadith: Satu Penilaian Semula*. Pihak kedua ialah Prof. Madya Wan Zailan Kamarudin bin Wan Ali dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau mempunyai keahlian dalam bidang akidah dan pemikiran Islam. Informan seterusnya ialah Dr. Chandra Muzaffar, Pemegang Kerusi Noordin Sopiee Universiti Sains Malaysia dan Presiden International Movement for Just World (JUST).

a) Temubual dengan Norhayati Kaprawi pada 15 Mei 2008 di Pejabat SIS, Petaling Jaya

S: Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?

J: Tidak menjawab

S: Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal?

J: Sesuatu yang bersifat liberal adalah baik. Kerana ia menjamin tidak berlakunya monopoli pihak-pihak yang berkepentingan. Terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan soal hak dan peranan.

S: Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam?

J: Tiada kekurangan dalam Islam. Ajarannya sudah lengkap sebaik sahaja Nabi Muhammad s.a.w. meninggal dunia. Cuma hal yang para ulama' enggan memahami ialah bahawa ada sesetengah hukum yang diperkenalkan sangat berasaskan kepada budaya setempat masyarakat Arab pada zaman itu. Keadaan yang sangat tidak menggalakkan ini kemudian diteruskan pula oleh generasi ulama' seterusnya tanpa ada usaha untuk menilainya kembali. Hasilnya sebahagian besar sistem undang-undang Islam difahami maksudnya berdasarkan warisan silam ini dan tidak menepati kehendak semasa. Ini menyebabkan undang-undang Islam menjadi terlalu konservatif.

Sebagai contoh, peranan wanita sebagai ketua dalam sebuah organisasi ditolak oleh kebanyakan para ulama' dahulu. Wanita hanya dikatakan layak berada di dalam rumah sebagai isteri dan menguruskan kerja-kerja rumahtangga. Sedangkan Islam yang dibawa oleh

Nabi Muhammad s.a.w. tidak menunjukkan bahawa wanita harus menerima nasib yang sebegitu rupa. Banyak contoh-contoh dalam sejarah Islam yang membuktikan bahawa wanita mempunyai peranan yang sama penting dengan lelaki dalam memajukan agama, negara dan tanah air. Inilah semangat murni yang enggan difahami oleh kebanyakan para ulama'. Perjuangan SIS adalah untuk menaikkan kembali martabat wanita menjadi mulia seperti yang terdapat dalam asas ajaran Islam. SIS menolak sekeras-kerasnya sebarang tindakan yang boleh dianggap menzalimi, menganiaya, menghina dan menjatuhkan maruah wanita.

S: Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

J: Islam mempunyai dua aspek iaitu agama dan ideologi. Islam sebagai sebuah ideologi biasanya diperjuangkan oleh masyarakat. Islam Liberal bukan agama tetapi adalah satu ideologi yang diperjuangkan oleh masyarakat di sesebuah tempat. Satu kajian mendalam perlu dijalankan untuk melihat apakah sebenarnya Islam Liberal sebelum mendakwa ia salah. SIS berpendirian bahawa tidak ada kaitan dengan gerakan itu yang berpangkalan di Indonesia. Kerana SIS kalau mengikut sejarah ditubuhkan lebih awal dari mereka. Mungkin kebetulan bahawa terdapat beberapa pemikiran SIS turut dikongsi bersama oleh mereka. Oleh itu, kalau mereka dipersalahkan bermakna pemikiran mereka turut dipersalahkan. Dan adakah SIS juga harus dipersalahkan atau dilabel sesat kerana berfikiran sama dengan mereka?

S: Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Malaysia/Indonesia?

J: Di Malaysia terdapat golongan konservatif dan golongan tajdid. Golongan yang kedua ialah yang mahu melihat undang-undang Islam membela semua pihak. Selagi ada golongan yang berfikiran konservatif tentang Islam, maka selagi itulah akan ada usaha-usaha tajdid untuk mencabar pemikiran ini. Di Malaysia, SIS tampil mewakili suara wanita kerana wujudnya diskriminasi terhadap wanita dalam undang-undang Islam. Perkara asas yang diperjuangkan oleh SIS ialah agar pihak yang menggubal undang-undang itu menjemput wakil wanita untuk memberi pandangan. Tetapi hal yang berlaku ialah wanita tidak pernah dijemput untuk memberikan input ketika undang-undang itu masih di peringkat proposal.

Selain itu, adalah kurang tepat untuk mendakwa bahawa golongan tajdid ini tidak mahir dalam pengajian Islam. Sebagai contoh di Indonesia, Ulil Absar adalah seorang yang mempunyai keahlian dalam bidang pengajian Islam yang mahu melakukan tajdid dan mengubah tanggapan konservatif terhadap ajaran Islam.

S: Kenapa sebilangan rakyat Malaysia/Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Tidak menjawab

S: Apakah impak positif Islam Liberal?

J: Tidak kisah apa nama yang diberikan kepada perjuangan ini, selagi ia mahu berusaha mengubah nasib golongan minoriti maka selagi itulah wujudnya kerelevanan mereka. Masyarakat kita terlalu selesa dengan keadaan 'zaman dahulu'. Walaupun jelas ia memberikan ketidakadilan kepada beberapa golongan. Usaha-usaha untuk meletakkan keadilan kepada semua golongan sangat positif dan harus diberi sokongan. Bagi SIS sesuatu undang-undang atau sistem itu mestilah boleh memberi manfaat kepada semua golongan dalam masyarakat. Jika ia tidak langsung menggembirakan dan menguntungkan pihak-pihak tertentu, adakah undang-undang atau sistem itu boleh dianggap baik?

S: Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

J: Bukan fahaman yang menjadi persoalannya tetapi apa yang diperjuangkan. SIS sejak penubuhannya telah menyediakan forum dan medium kepada masyarakat khususnya wanita. Usaha ini bertujuan untuk memberikan harapan dan kesedaran bahawa kami sedang berusaha membela nasib kaum wanita. SIS tidak pernah mengeneppikan prinsip-prinsip agama Islam dalam perjuangan ini. Dalam semua usaha yang dilakukan, SIS sentiasa melibatkan golongan cendekiawan Islam dari dalam dan luar negara untuk menyumbang input kepada isu-isu yang menjadi polemik dalam Islam. Adalah jelas bahawa SIS telah menyediakan alternatif dan ruang berfikir bahawa undang-undang Islam bukan satu perkara yang rigid tetapi fleksibel mengikut keadaan semasa. Sebagai contoh, SIS berjaya memperkenalkan '*domestic violence act*' dan '*guardianship act*'. Kejayaan-kejayaan seperti inilah yang menjadi aspirasi menjadi perjuangan SIS.

.....

b) Kassim Ahmad tidak menerima undangan untuk ditemubual. Sebaliknya beliau memberikan jawapan melalui emel. Berikut adalah merupakan jawapan beliau.

S: Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?

J: Bantahan terhadapnya menunjukkan bahawa ia tidak sepenuhnya tergolong ke dalam kategori itu.

S: Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal?

J: Kerana fahaman Islam ortodoks/tradisional sudah tidak sesuai dengan kehendak zaman. Umpamanya, lihat apa yang dipanggil Hukum Hudud. Ini bukan saja sudah ketinggalan zaman; malah ia salah-tafsir oleh ahli-ahli hukum Islam dulu.

S: Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam?

J: Islam seperti yang di terdapat dalam Quran memang sempurna. Tetapi Quran perlu difahami secara ilmiah atau saintifik. Ada dua dimensi dalam ajaran Quran. Pertama, dimensi sejarah. Kedua, dimensi universal. Rujuk kepada "Kaedah Saintifik Tafsir" dalam buku saya "Hadis -- Jawapan Kepada Pengkritik".

S: Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

J: Saya fikir begitu, tetapi bantahan saya bukan kerana sebab-sebab yang serupa. Umpamanya, gerakan feminisme menentang poligami. Poligami mesti dianggap sebagai suatu kekecualian. Normanya monogami.

S: Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Malaysia/Indonesia?

J: Ia boleh bertapak di mana-mana. Lihat J1.

S: Kenapa sebilangan rakyat Malaysia/Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Lihat J1.

S: Apakah impak positif Islam Liberal?

J: Menolak fahaman ekstrimisme.

S: Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

J: Islam mengutamakan kaedah saintifik (terbukti dari wahyu yang pertama). Kaedah saintifik ini boleh dikatakan ditutup oleh fahaman Islam ortodoks/tradisional. Inilah sebabnya masyarakat Islam umumnya menolak pemodenan. Inilah sebabnya fahaman Islam liberal berkembang dan merebak.

.....

a) Temubual dengan Prof. Madya Wan Zailan Kamarudin bin Wan Ali pada 10 April 2008 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

S: Apakah pandangan dari perspektif ahl al-Sunnah wa al-Jamaah terhadap fahaman Islam Liberal?

J: Islam Liberal seperti yang kita tahu lebih mirip kepada faham al-Qadariyah dan Muktaizilah. Di Malaysia, kebanyakan ulama' adalah beraliran *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Jadi, tentulah mereka tidak akan bersetuju dengan metodologi pemikiran yang dibawa oleh Islam Liberal. Sebagaimana ulama' *ahl al-sunnah wa al-jamaah* dahulu menolak pemikiran al-Qadariyah dan Muktaizilah.

S: Apakah ciri-ciri Islam Liberal yang menjadikannya terkeluar dari ajaran Islam?

J: Terdapat tiga istilah yang perlu diberikan definisi di sini iaitu Islam, liberal dan liberalisme. Maksud Islam adalah jelas iaitu milik Allah, daripada Allah dan untuk Allah; liberal pula bermaksud bebas. Dari sudut perkataan ia adalah kata sifat. Sebagai contoh, rendah, tinggi atau merah. Hal yang sama berlaku apabila Islam itu dikaitkan dengan kata sifat seperti hadhari atau madani. Apabila disebut Islam hadhari ia bererti Islam yang memberi ruang dan galakan kepada ketamadunan. Oleh itu, jika disebut Islam Liberal bererti Islam yang memberi ruang kepada kebebasan. Dalam erti kata lain, Islam yang membebaskan manusia dari perhambaan dengan objek selain Allah. Jika ini yang menjadi maksudnya, ia tidak menjadi satu kesalahan; liberalisme pula adalah kata gabungan antara liberal dan isme. Apabila liberal dikaitkan dengan isme maka ia menjadi satu ideologi, sistem kepercayaan, fahaman atau pemikiran. Secara literalnya, Islam Liberal bermaksud kepercayaan atau ideologi tentang kebebasan. Islam Liberal dalam bentuk isme inilah yang dikatakan berlawanan dengan akidah *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Kerana sebagai seorang Islam, wajib kita percaya hanya ada satu kepercayaan sahaja iaitu akidah yang bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah.

Antara ciri utama yang menjadikan Islam Liberal ini terkeluar dari garisan akidah *ahl al-sunnah wa al-jamaah* ialah manusia perlu diberi kebebasan dan tidak boleh dipaksa baik dalam aktiviti keagamaan mahupun aktiviti kemanusiaan. Sedangkan kita harus percaya bahawa umat Islam wajib mematuhi segala peraturan yang terdapat dalam kerangka ajaran Islam.

S: Adakah Islam Liberal juga satu ancaman kepada golongan bukan Islam?

J: Aspek liberal seperti yang dibincangkan tadi juga wujud dalam agama-agama samawi yang lain (Yahudi dan Kristian). Sejarah pada zaman pertengahan dalam agama masing-masing mencatatkan bahawa berlakunya pertembungan antara gereja atau *synagogue* dengan ahli-ahli

falsafah yang mahu membebaskan kongkongan para rahib. Isu yang menjadi polemik adalah sama iaitu di sekitar konsep paksaan Tuhan dengan kebebasan manusia.

S: Kenapa sebilangan rakyat Malaysia/Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Perkara paling asas yang perlu diketahui ialah faham liberalisme itu sama seperti al-Qadariyah. Secara literalnya, al-Qadar bererti bebas. Ia merupakan lawan kepada akidah al-Jabariyah. Saya berpendapat bahawa liberalisme mudah diikuti oleh masyarakat kerana ia muncul sebagai respons kepada senario umat Islam yang majoritinya mengikuti akidah al-Jabariyah. Mereka melihat banyak kongkongan atau sekatan dalam sistem kehidupan. Dan kebanyakan sekatan ini tidak disebutkan dengan jelas kenapakah ia disekat atau dilarang.

Pada pandangan saya, Islam Liberal muncul terlebih dahulu di Indonesia. Malaysia menerima faham ini agak lewat. Kenapa ia boleh muncul dan subur di Indonesia? Sebab Indonesia ialah negara yang mengamalkan Pancasila. Konsep ini antara lainnya melayani semua agama sama. Berbeza dengan Malaysia yang mengisytiharkan bahawa Islam sebagai agama rasmi atau agama persekutuan. Di bawah frasa ini pula, setiap undang-undang tubuh negeri menjelaskan bahawa Islam yang digunakan ialah bermazhab *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Iaitu menggunakan akidah aliran 'Asha'ari dan fikah aliran Shafi'i. Metodologi ini diangkat menjadi pemikiran rasmi umat Islam di Malaysia. Jika terdapat aliran-aliran lain biasanya ia tidak mendapat sambutan atau sokongan dari umat Islam.

Namun begitu, faham Islam Liberal ini akhirnya mendapat juga simpati umat Islam Malaysia hasil daripada interaksi global Indonesia-Malaysia. Sebagai contoh, terdapat aktiviti pertukaran pelajar dan ekspatriat dari kedua-dua buah negara yang turut sama membawa masuk aliran atau fahaman yang agak asing di Malaysia.

Selain itu, senario ini didokong juga oleh keadaan umat Islam di Malaysia sendiri. Terdapat golongan yang merasakan bahawa pendekatan yang diamalkan di sini terlalu beraliran al-Jabariyah. Sebagai alternatif, mereka mencuba Islam Liberal yang menawarkan ruang kebebasan itu.

S: Apakah impak negatif Islam Liberal?

J: Apabila Islam Liberal memperjuangkan konsep kebebasan mutlak, itulah yang menjadi masalahnya. Jika bebas itu difahami dalam ruang yang dituntut oleh Tuhan, fahaman sebegini tidak ada salahnya. Dalam erti kata lain, mereka berpandangan bahawa manusia itu bertanggungjawab sepenuhnya atas setiap perlakuan. Tuhan tidak mempunyai apa-apa peranan dan kuasa menentukan perlakuan manusia. Hal ini sangat bertentangan dengan akidah Islam aliran *ahl al-sunnah wa al-jamaah*.

Selain itu, mereka menganggap Islam Liberal ini sebagai satu ideologi atau satu sistem kepercayaan hidup. Kalau ia hanya diletakkan sebagai satu perspektif, saya fikir itu tidak terlalu bertentangan.

S: Bagaimanakah cara untuk menangani fahaman ini agar tidak menular lebih meluas lagi?

J: Jika sudah jelas fahaman ini bertentangan dengan akidah aliran *ahl al-sunnah wa al-jamaah* yang menjadi anutan rasmi umat Islam di Malaysia, perlulah ada peraturan. Lainlah jika pihak berautoriti mahu mengamalkan konsep kebebasan bersuara seperti di Indonesia, tidaklah perlu diperkenalkan peraturan untuk menyekat perkembangannya.

S: Perlukah badan-badan berkuasa di Malaysia memperkenalkan atau menguatkuasakan garis panduan bahaya Islam Liberal kepada umat Islam di Malaysia?

J: Seperti yang saya jawab di atas, jika pihak berautoriti merasakan perlu untuk mempertahankan akidah 'Asha'ari, perlulah diperkenalkan satu peraturan. Dalam erti kata lain jika ia perlu untuk mengelakkan bahaya dan ancaman kepada pemikiran yang sedia ada. Tetapi, saya mesti sebutkan juga iaitu jika terlalu banyak peraturan dan undang-undang yang diperkenalkan, ia boleh mematikan semangat dan kebolehan rakyat untuk berfikir. Atas alasan ini, perbincangan yang lebih lanjut dan mendalam perlu diusahakan agar semua pihak boleh mendapat manfaat yang maksimum.

.....

b) Temubual dengan Dr. Chandra Muzaffar, Pemegang Kerusi Noordin Sopiee Universiti Sains Malaysia dan Presiden International Movement for Just World (JUST) pada 5 September 2008 di Universiti Sains Malaysia.

S: Apakah pandangan dari perspektif ahl al-Sunnah wa al-Jamaah terhadap fahaman Islam Liberal?

J: Dari segi Islam, saya berpendapat bahawa sekiranya kita melihat Liberalisme tiga perspektif yang kita huraikan tadi, memang Liberalisme ini bertentangan dengan falsafah Islam. Mungkin yang pertama kebebasan tidak menjadi masalah sekiranya kita memahami kebebasan itu sebagai sesuatu yang tidak bebas dari nilai-nilai lain kerana dalam Islam sepertimana saya memahaminya nilai-nilai itu saling bergantung. Kita tidak boleh memisahkan nilai-nilai itu seperti kebebasan, persamaan dan keadilan. Tapi, nilai-nilai yang kita maksudkan tadi membawa satu konsepsi yang lebih luas kepada manusia. Tetapi dalam Liberalisme kebebasan itu yang ditonjolkan. Jadi ia bertentangan. Manifestasi kebebasan tidak menjadi masalah, yang menjadi masalah adalah kedudukan kebebasan. Walhal dalam Islam kebebasan dalam Islam dikaitkan dengan beberapa nilai-nilai yang lain. Yang kedua dalam Liberalisme mereka menganggap sumber individu itu lebih penting dari komuniti dan sebagainya. Dalam Islam dari satu segi kefahaman saya, memang individu itu penting. Kerana khalifah itu individu. Tapi khalifah itu juga umat. Dan umat itu tidak semestinya Islam, tapi umat keseluruhan manusia itu khalifah. Khalifah dalam Islam saya tidak berani menyamakannya dengan individu ini kerana khalifah dalam Islam khalifah itu wujud sebagai khalifah. Khalifah itu menyerahkan dirinya kepada satu kuasa yang lebih besar iaitu Allah. Hamba sebagaimana diterangkan oleh Syed Hossein Nasr dalam tulisannya, hamba diangkat untuk menjadi khalifah. Khalifah itu adalah satu konsep yang begitu mulia, begitu tinggi darjatnya. Khalifah itu dari satu segi ia menggantikan Allah, dari segi tugasnya. Kedudukannya pula ada syaratnya iaitu hamba. Jadi, saya tidak berani menyamakan khalifah itu sama dengan individu sepertimana dalam Liberalisme. Yang ketiga berkaitan dengan yang pertama dan kedua bahawa dalam Liberalisme ini individu itu menjadi kayu ukur. Dalam Islam furqan itu seperti termaktub dalam al-Qur'an, Allah sebagai furqan dan bukannya individu. Kita tidak boleh menganggap ciptaannya sebagai furqan.

Saya juga nampak konsep dalam Islam yang juga wujud dalam agama-agama lain, tak kira ia dari tradisi Abrahamic atau agama-agama dari tradisi Timur, semua agama pada prinsipnya berpegang pada idea ini bahawa kebebasan itu perlu untuk mencapai sesuatu yang mutlak. Tapi yang sedih itu, kalau kita mengkaji tulisan John Smith Mill, beliau menekankan bahawa kebebasan itu adalah satu prinsip yang penting dan matlamat yang murni. Tak kira

apa kandungan kebebasan itu. Asal saja dia bebas untuk menyuarakan pendapatnya. Tapi bagi kita, kita tak boleh terima. Ini tak bermakna kita nak memastikan orang semua mengikut satu arus yang tertentu. Kita cuma menyebut bahawa insan sebagai khalifah harus memainkan peranan. Dan jika dia menyeleweng kita bagi teguran dan nasihat. Tapi kita jangan menganggap pembohongan itu sebagai sesuatu yang murni.

S: Apakah ciri-ciri Islam Liberal yang menjadikannya terkeluar dari ajaran Islam?

J: Mungkin takrif yang khusus tidak begitu mudah. Liberalisme itu ialah satu aliran dalam falsafah Barat. Dan sepertimana juga dengan idea-idea yang lain, sosialisme dan ateisme dan sebagainya mungkin tidak begitu mudah. Mungkin kita cuba memahaminya dari sudut ciri-ciri utama falsafah. Liberalisme biasanya dikaitkan dengan *enlightenment* Eropah.

Ada tiga ciri utama dalam liberalisme berdasarkan pada *enlightenment* yang membawa perubahan besar kepada Eropah: pertama ia ialah satu kefahaman yang mengutamakan kebebasan. Kebebasan merupakan idea utama dalam Liberalisme ini. Kebebasan dalam beberapa hal seperti kebebasan bersuara, berhimpun dan lain-lain. Ini adalah kebebasan yang diterima umum dan dikaitkan dengan Liberalisme dan pada hemat saya tidak menimbulkan kontroversi. Yang kedua kebebasan dari sudut Liberalisme pada keseluruhannya dikaitkan dengan individu. Individu itu dianggap sebagai sumber kebebasan, individu itu dianggap sebagai saluran ataupun kita gunakan istilah dari Islam yang sesuai iaitu wadah. Jadi, individu itu penting dari segi falsafah Liberalisme. Individu ini harus kita bezakan dari komuniti atau kolektiviti. Dalam falsafah liberalisme walaupun mereka mengakui bahawa kelompok itu penting, tapi dari satu segi individu itu lebih penting. Kerana kalau dikaji jenis-jenis kebebasan yang dikaitkan dengan Liberalisme, pada keseluruhannya mereka memberi penekanan pada individu lebih dari komuniti. Kalau kita kaji falsafah yang mendokong perisytiharan hak asasi manusia sejagat tahun 1948 yang diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Falsafahnya walaupun ia tidak begitu jelas dari 30 fasal yang termaktub dalam perisytiharan ini. Kalau dikaji secara mendalam 30 fasal ini yang termaktub ialah kebebasan individu. Walaupun disebut dalam *preamble* tentang komuniti, *social order* tetapi penekanannya lebih kepada individu. Yang ketiga falsafah Liberalisme ini seolah-olah menganggap individu dengan kebebasannya sebagai penentu atau sebagai faktor yang mutlak. Bermakna idea mereka bahawa tidak ada satu pun yang lebih penting dari individu. Idea bahawa individu itu harus serahkan kepada satu kuasa yang lebih besar daripada individu. Bahawa ada sumber dan nilai-nilai yang lebih besar dari individu. Liberalisme menentang idea ini. Mungkin dari segi peribadi penganut Liberalisme mungkin dia percaya kepada Tuhan, tetapi bagi pendokong-pendokong falsafah Liberalisme sekiranya mereka tulen dan benar percaya Liberalisme sebagai falsafah hidup mereka menganggap individu itu adalah sumber pada nilai-nilai mutlak. Kalau kita pakai istilah Islam, individu itu sebagai furqan. Iaitu yang membezakan salah dan benar. Bahawa individu itu sebagai kayu ukur, individu itu sebagai furqan. Itulah tiga konsep yang penting dalam falsafah Liberalisme pada hemat saya.

S: Adakah Islam Liberal juga satu ancaman kepada golongan bukan Islam?

J: tidak menjawab

S: Kenapa sebilangan rakyat Malaysia/Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Saya mengenali individu-individu tertentu yang terlibat dalam jaringan atau rangkaian Liberalisme. Tetapi saya tidak mengikuti perkembangan-perkembangan jaringan ini dari dekat, sesekali saya terbaca dari tulisan-tulisan mereka itu. Saya berpendapat ada dua aspek:

pertama, mungkin pergerakan ini wujud kerana mereka cuba memahami kedudukan Islam dalam dunia kontemporari. Pada hemat saya itu adalah hasrat yang murni. Kalau kita kaji tulisan ahli-ahli reformis Islam yang teragung dan diterima sebahagian besar umat Islam seperti Muhammad Iqbal. Beliau juga membangkitkan soal ini tentang peranan kedudukan Islam dalam dunia kontemporari. Sekiranya ini adalah hasratnya, pada hemat saya tidak menjadi masalah. Ini mungkin satu faktor yang mendorong mereka untuk mengkaji Islam. Seperti Ulil dan beberapa individu-individu lain. Tetapi satu lagi faktor yang juga mempengaruhi mereka yang saya bimbang sedikit, adakah ini satu usaha untuk menyesuaikan Islam dengan falsafah-falsafah tertentu dari Barat sepertimana yang saya terangkan tadi. Dan saya pernah menulis tentang ini dalam tulisan-tulisan saya, adakah ini satu usaha untuk menyesuaikan Islam dengan falsafah-falsafah Barat yang dari segi pokoknya bertentangan dengan Islam. Jika ini salah satu dari usahanya, saya berpendapat ini akan gagal. Saya kurang jelas adakah benar ini usaha mereka. Tetapi, kalau kita mengkaji tulisan mereka dan dari cara mereka membahas satu-satu isu, saya nampak mereka kuat dipengaruhi oleh Liberalisme seperti mereka macam nak cuba menyesuaikan Islam dengan trend-trend ini. Sebagai contoh Abdullah Naim, bagi mereka juga seorang sarjana yang cuba menyesuaikan Islam dengan Liberalisme Barat yang pada aspek-aspek tertentu memang bertentangan dengan Islam. Dalam buku saya 'Rights, Religion and Reform'. Ada beberapa bab dalam buku ini, saya membangkitkan isu-isu ini dan perbezaan antara Islam dengan falsafah Barat. Contoh seperti isu hak Gay dan Lesbian, jelas kita punya pendirian bahawa kita tidak harus menyesuaikan diri dengan trend-trend itu. Kerana trend-trend itu dianggap sebagai fesyen.

Kita di Malaysia mungkin berbeza dengan Indonesia. Mungkin dua faktor yang saya sebutkan tadi membawa kita kepada satu faktor yang belum disentuh. Kita juga harus memahami inti Islam dari dalam, yang saya maksudkan kita perlu melakukan pembaharuan juga. Dan jangan kita anggap oleh kerana ada trend-trend ini kita menafikan pentingnya pembaharuan dalam Islam. Sewaktu saya tertarik dengan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan trend-trend mereka. Tidak bermakna kita terima seratus peratus setiap apa yang diujahkan oleh individu-individu yang saya ucapkan tadi seperti Iqbal, al-Afghani, Ali Syariati. Tetapi saya membezakan mereka ini daripada Abdullah Naim dan juga individu-individu yang lain, yang saya fikir macam Iqbal yang kuat mempengaruhi pemikiran saya dalam masalah ini, mereka ini kita boleh anggap sebagai ahli-ahli fikir yang cuba mahu memahami Islam dari dalam Islam. Iqbal sebagai contoh dalam buku 'The Reconstruction of Islamic Thought' jelas memahami Islam dari dalam. Dia melihat inti seperti Tauhid, khalifah, amanah. Konsep-konsep ini yang mereka cuba tonjolkan. Kita harus membezakan mereka ini dengan individu-individu seperti Abdullah Naim. Kerana dialah yang paling penting dalam golongan liberal. Di Asia Tenggara selain daripada Ulil, mungkin jugak Anwar di Malaysia. Ada setengah pihak yang memasukkan Gus Dur, tapi kita nampak Gus Dur ini lebih terkeliru dalam beberapa isu. Dalam kalangan intelektual muda di negara kita, ini yang saya sedih kerana dia menganggap dirinya anak murid saya, iaitu Farish Noor. Saya juga menganggap Farish menyeleweng daripada konsep falsafah pembaharuan yang saya kaitkan dengan Iqbal. Saya tidak berani mengatakan dia (Farish) mirip dengan Abdullah Naim, tetapi adalah dalam beberapa isu mereka ada persamaan. Saya juga berpendapat beberapa peguam seperti Harith Ibrahim dan Malik Imtiyaz yang juga berfikir liberal.

S: Apakah impak negatif Islam Liberal?

J: Saya tidak menafikan idea mereka penting dari segi pembaharuan dan reformasi. Tetapi kita mesti jelas apakah worldview mereka. Sekiranya ia bertentangan dengan Tauhid, khalifah, amanah dan sebagainya. Atau cuba mentafsirkan ayat-ayat tertentu dengan justifikasi tertentu. Itu juga salah dan akan gagal. Reformasi atau pembaharuan tidak dapat

kita usahakan dari luar tapi dari dalam. Islam dengan khazanah yang begitu kaya untuk membawa perubahan-perubahan dalam setiap masalah. Dan kita tidak harus salahkan agama tetapi yang salah ialah penganutnya.

S: Bagaimanakah cara untuk menangani fahaman ini agar tidak menular lebih meluas lagi?

J: Saya melihat isu ini juga sebagai seorang ahli Sains Politik, konsep Liberalisme yang dibawa oleh *enlightenment* seperti yang kita bincangkan tadi. Ia membawa banyak masalah kepada masyarakat. Kita tidak dapat nafikan bahawa inilah satu daripada punca yang membawa krisis kepada dunia moden. Jadi bukan penyelesaian, tapi ia adalah masalah. Tetapi kita harus berani membahas dan mengkritik secara rasional. Bukan kerana emosi dan sebagainya. Kita harus mengalahkannya dalam perbincangan ini. Banyak contoh yang berlaku di negara kita dewasa ini. Dan saya anggap sebagai satu perkara yang bahaya iaitu atas nama kebebasan kita berbohong. Tapi ini tidak bermakna saya setuju dengan apa yang dilakukan oleh pemerintah, tangkap dan masukkan dalam ISA. Saya tidak setuju dengan pendekatan itu kerana ia juga bertentangan dengan Islam. Kita menafikan hak-hak mereka dalam perbicaraan. Perbicaraan mesti adil depan hakim yang bebas dan itu memang tradisi dalam syariah. Tapi bagaimana kita nak menangani mereka yang sengaja berbohong atas nama kebebasan. Saya tahu Raja Petra misalannya, saya mengenali beliau dari dekat kerana sama-sama dalam *old team* dulu. Banyak masalah yang dia timbulkan. Dan sampai ke hari ini, beliau asyik bohong. Dan tidak peduli tentang kesan kepada masyarakat. Apakah Islam terima konsep ini walaupun ia kebebasan. Tetapi kebebasan kita lebih untuk menegakkan kebenaran bukan untuk berbohong dan memfitnah.

S: Perlukah badan-badan berkuasa di Malaysia memperkenalkan atau menguatkuasakan garis panduan bahaya Islam Liberal kepada umat Islam di Malaysia?

J: Undang-undang itu perlu dalam setiap masyarakat. Tiada masyarakat tanpa undang-undang. Tetapi undang-undang itu mesti memuktubkan nilai-nilai murni jugak. Bermakna kita jangan menggubal undang-undang yang bertentangan dengan nilai-nilai murni. Yang menjadi masalah ISA ini ialah penahanan itu tanpa perbicaraan. Tidak semestinya dalam mahkamah terbuka, perlu ada cara-cara lain tetapi prinsip perbicaraan itu yang penting supaya yang dituduh dapat mempertahankan diri dan bukti yang dikumpul dapat dilihat dengan adil oleh seorang hakim yang bebas. Kita tidak boleh menganggapnya prinsip-prinsip dari masyarakat Barat, falsafah Liberal dan sebagainya kerana prinsip-prinsip ini termaktub dalam Islam. Saya tidak setuju dengan ISA. Jangan lupa ISA itu ialah penggubalan dari British. Bukan orang Islam yang menggubalnya. Kalau kita lihat sejarah British sebagai penjajah, beberapa Negara yang dia pernah jajah, dia menggubalkan ISA sebagai undang-undang. Afrika Selatan, Singapura, Malaysia, dan juga Palestin. Semasa dia berpegang pada mandat selepas Balfour Declaration pada tahun 1917. Dan Israel teruskan idea ini.

2. Laporan temubual terhadap tokoh-tokoh Islam Liberal di Indonesia

Empat informan berjaya ditemubual. Informan pertama ialah Ahmad Suaedy, Pengarah Eksekutif di The Wahid Institute, Jakarta (www.wahidinstitute.org). Beliau adalah salah seorang pengasas institut tersebut yang diketuai oleh Abdurrahman Wahid (Gus Dur).

Informan kedua ialah Profesor Zainun Kamal, Dosen Pasca Sarjana di Universitas Islam Negeri, Jakarta; Profesor Siti Musdah Mulia, Peneliti Utama Bidang Lektur Keagamaan, Badan Penelitian dan Pengembangan Agama, Departemen Agama Indonesia; dan Abd Moqsith Ghazali, Peneliti di Jaringan Islam Liberal (JIL).

a) Temubual dengan Ahmad Suaedy dari The Wahid Institute, Jakarta pada 28 Mei 2008

S: Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?

J: Tidak menjawab

S: Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal?

J: Umat Islam mesti melakukan usaha-usaha liberal. Kerana ia adalah aspek penting dalam agama Islam. Dalam prinsip yang kami perjuangkan, pembebasan manusia dari masalah sosial dan ekonomi menjadi agenda utama. Dalam masa yang sama, perjuangan kami masih tidak lari dari tradisi pesantren.

S: Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam?

J: Tidak menjawab

S: Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

J: Kita harus memberikan definisi yang jelas tentang Islam Liberal. Pada hemat saya, definisinya boleh menjadi pelbagai mengikut perspektif sesebuah negara. Di institut ini, kami mempunyai definisi yang agak berbeza dengan Jaringan Islam Liberal (JIL). Jika JIL melihat kebebasan manusia adalah intipatinya, kami lebih melihat kepada keadilan. Sebagai contoh, dalam kebebasan ekonomi mesti turut sama mempunyai elemen keadilan. Apabila dikaitkan dengan peranan pesantren, kami cuba mengajak mereka untuk menjadi responsif terhadap isu-isu semasa seperti masalah kemiskinan dan kenaikan bahan bakar minyak (BBM).

Kami membela golongan Islam Liberal. Tetapi tidak bermaksud kami sependapat dengan fahaman mereka. Hal yang dimaksudkan di sini ialah kami membela hak golongan Islam Liberal untuk memberikan pandangan. Institut ini percaya bahawa kebebasan bersuara harus diberikan kepada manusia. Pemerintah tidak mempunyai hak untuk mengadakan peraturan atau sekatan bagi menghalang kebebasan bersuara. Kritikan atau komen balas sangat digalakkan, namun elemen-elemen kekerasan seperti menangkap individu yang bebas bersuara haruslah dielakkan. Sebagai contoh, kes ajaran Ahmadiyah di Indonesia. Pemerintah tidak boleh campur tangan sampai bertindak untuk mengharamkan ajaran itu. Jika ini berlaku, pemerintah telah menyekat hak kebebasan bersuara rakyat. Contoh yang kedua ialah seperti isu tudung. Institut ini berpandangan bahawa kewajipan memakai tudung adalah tidak wajib. Wanita mempunyai hak sepenuhnya sama ada hendak mengenakan tudung atau tidak. Tidak perlu perbahasan yang panjang lebar tentang hal ini. Juga, tidak perlu tindakan undang-undang kepada pihak yang mendakwa tudung itu tidak wajib.

S: Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Indonesia?

J: Kami fikir Insititut ini dan JIL mempunyai pandangan yang sama iaitu Indonesia adalah sebuah negara yang kompleks. Negara ini mempunyai banyak suku kaum dan agama. Setiap kaum dan agama itu pula mempunyai tradisi lokalnya masing-masing. Adakah wajar untuk kita mengatakan bahawa hanya tradisi kaum ini yang lebih benar dan yang lain tidak betul. Saya fikir ini tidak boleh. Oleh itu, salah satu agenda perjuangan utama institut ini ialah untuk mengembangkan sikap hormat kepada tradisi-tradisi lokal yang dimiliki oleh semua kaum. Ini selaras dengan motto kami iaitu 'Seeding Plural and Peaceful Islam'.

S: Kenapa sebilangan rakyat Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Saya mempunyai pandangan yang berbeza. Di Indonesia, golongan yang anti liberlisme itu lebih banyak populasinya berbanding yang pro Islam Liberal. Saya sedar bahawa banyak laporan dalam media massa dunia menyebut bahawa ramai rakyat Indonesia berfahaman Islam Liberal. Hakikatnya ialah tidak. Malah, dalam hal ini saya fikir Malaysia lebih dominan berbanding Indonesia. Sebagai contoh, ramai pelajar Indonesia yang pergi ke Malaysia dan terpengaruh dengan idea itu dari intelektual Malaysia. Contoh yang lain ialah kemunculan persatuan wanita iaitu 'Rahima' di Indonesia. Metodologinya adalah mirip seperti SIS di Malaysia. Cuma Rahima banyak berdiskusi tentang agama di pesantren tentang hak-hak wanita. Manakala SIS pula lebih cenderung kepada diskusi berkaitan undang-undang dan sosiologi.

S: Apakah impak positif Islam Liberal?

J: Institut ini mempunyai hubungan yang sangat akrab dengan kiyai-kiyai di pesantren. Seperti yang disebutkan tadi, perjuangan kami ialah untuk mengajak pesantren turut sama berperanan dalam membela nasib rakyat. Kalau dahulu, pesantren mempunyai tradisi kolot yang sangat ketat. Rutin hariannya hanyalah menelaah kitab jawi atau kitab kuning. Pelajar-pelajar di pesantren tidak mempunyai peluang untuk mengetahui perkembangan semasa baik di dalam negara mahupun di luar negara. Malah, membaca surat khabar itu dianggap satu kesalahan di pesantren. Oleh itu, suasana di pesantren sangat kaku dan rigid. Menyedari hakikat ini, Wahid Institute cuba membuka paradigma para kiyai agar lebih mesra kepada isu-isu semasa. Sebagai contoh, pihak gereja Kristian di Indonesia sering berdiskusi untuk mencari jalan menyelesaikan masalah sampah. Kami fikir kenapa peranan ini tidak diambil juga oleh umat Islam, sedangkan agama Islam turut mementingkan kebersihan. Oleh itu, kami mengajak para kiyai untuk turut sama dalam diskusi menyelesaikan kemelut sampah bersama-sama dengan pihak gereja.

S: Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

J: Tidak susah untuk menjadikannya popular. Pemerintah hanya perlu menyekatnya dengan tindakan undang-undang. Saya percaya dengan tindakan itu fahaman Islam Liberal akan menjadi lebih popular berbanding sebelumnya. Hal ini juga boleh dianggap seperti satu publisiti percuma kepada golongan liberal. Sebagai contoh, kes ajaran Ahmadiyah yang dengan tiba-tiba sahaja menjadi terkenal di seluruh dunia setelah timbul ura-ura bahawa pemerintah mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap pengikut-pengikut ajaran itu. Walhalnya, sebelum ini tidak ramai yang tahu tentang aktiviti Ahmadiyah di Indonesia. Apabila publisiti sudah meluas, maka ramailah yang ingin mengambil tahu tentang mereka. Dan ramai jugalah yang bersimpati dan mengikut ajaran itu.

b) Temubual dengan Profesor Zainun Kamal, Dosen Pasca Sarjana di Universitas Islam Negeri, Jakarta pada 29 Mei 2008

S: Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?

J: JIL tidak seperti golongan liberal Barat yang membebaskan segala-segalanya. JIL masih berdiskusi dalam kerangka al-Qur'an dan Sunnah. Cuma mereka tidak mahu terikat lagi dengan interpretasi dan tafsiran klasik. Tetapi, tentulah masyarakat sukar untuk menerima idea ini kerana ia sesuatu yang baru dan bertentangan pula dengan pemikiran mereka yang sedia ada. Saya sendiri tidak terlibat secara langsung dalam JIL, tetapi saya selalu diundang untuk memberi ucapan dan pidato dalam forum-forum anjuran mereka. Kalau anda tanya adakah JIL berada di bawah payung *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, jawapan saya mungkin ya dan tidak. Tetapi, jika anda tanya saya adakah JIL masih berada di bawah kredo Islam, jawapannya tentu sekali.

S: Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal?

J: Benda yang dibawa oleh JIL ialah untuk menafsirkan al-Qur'an dan Sunnah mengikut kehendak zaman kini dan konteks tempatan. Asas pendekatan ini bukan hanya rasional semata-mata, tetapi juga berlandaskan kepada kemampuan intelek dan kebijaksanaan ilmu.

S: Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam?

J: Tidak menjawab

S: Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

J: Saya sudah menjawabnya seperti di atas.

S: Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Indonesia?

J: Di Indonesia, banyak terdapat pesantren yang berpegang kuat kepada ajaran tradisi seperti menadah kitab jawi kuning dan kitab-kitab klasik. Saya fikir pendekatan seperti itu tidak banyak membantu memajukan umat Islam di sini. Apakah gunanya kalau kita belajar di perguruan tinggi tetapi tidak mahu meneruskan usaha ijtihad dan melaksanakan usaha-usaha pembaharuan dalam Islam. Rakyat yang sepatutnya harus meneladani kita, bukannya kita yang mengikut rakyat. Orang yang bijaksana harus menjadi ketua kepada orang yang kurang bijak dan bukan sebaliknya.

S: Kenapa sebilangan rakyat Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Sebenarnya, lebih ramai rakyat di Indonesia yang menentang fahaman Islam Liberal. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, masyarakat sudah terbiasa dengan pemikiran lama. Tambahan pula, para ulamanya rata-rata cenderung kepada pemikiran klasik atau tradisi. Maka, tidak ramai yang bersetuju dengan fahaman Islam Liberal walaupun ia bertujuan untuk memberikan kemajuan kepada sistem berfikir umat Islam.

Selain itu, saya mesti sebutkan bahawa penolakan ini disebabkan juga oleh laporan dan fakta yang sering diputarbelitkan dalam akhbar. Hasilnya, rakyat menjadi keliru dan timbul salah faham. Sebagai contoh, pada hemat saya rukun Iman hanyalah dua sahaja iaitu percaya kepada Tuhan dan percaya kepada hari akhirat. Hujah saya ialah empat rukun yang lain itu sering dibahaskan oleh para ulama, tetapi mereka bersepakat dengan yang dua itu. Tetapi itu tidak bererti saya tidak percaya kepada empat aspek itu. Cuma, saya melihat keempat-empat itu tidak termasuk dalam senarai rukun iman. Namun, umat Islam masih

wajib percaya kepada semua enam aspek itu. Pandangan saya tentang hal ini diputarbelitkan oleh akhbar. Kesannya, rakyat menganggap saya telah keluar dari Islam.

Bercakap tentang pengaruh Malaysia atau Indonesia, jawapan saya mungkin ya dan tidak. Bagi saya pengaruh itu memang ada tetapi bersifat lebih global. Sebagai contoh, kita mudah memperoleh buku-buku tulisan pemikir-pemikir Islam terkenal seperti Fazlur Rahman, Mohamad Arkoun dan Nasr Hamid Abu Zayd. Umat Islam terdedah kepada pemikiran mereka dan kadangkalanya terus terpengaruh.

S: Apakah impak positif Islam Liberal?

J: Prinsip utamanya ialah kebebasan bersuara. Islam Liberal sangat menyokong kebebasan bersuara asalkan sahaja ia tidak sampai kepada perbuatan jenayah fizikal. Sebagai contoh, berlakunya pergolakan sebahagian umat Islam dengan pengikut ajaran Ahmadiyah. Banyak masjid milik Ahmadiyah diserang dan dirosakkan. Hal ini menimbulkan suasana tidak tenteram dan tidak selamat. Islam Liberal menolak keganasan sebegini, sebaliknya setiap individu perlu ada rasa hormat dan penghargaan antara satu sama lain.

Saya mempunyai pandangan bahawa iman itu ialah masalah peribadi individu. Selain tuhan, tiada manusia yang berhak untuk campurtangan dalam mengatakan orang itu dan ini tidak beriman. Masyarakat Kristian itu jelas lebih rosak imannya, tapi itu adalah masalah dia. Biarlah Tuhan yang tentukan nasib mereka di akhirat nanti.

S: Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

J: Kami sedang mengusahakan penerbitan tafsir baru al-Qur'an versi moden. Sumbangan dalam menerbitkan tafsir ini banyak datangnya daripada cendekiawan Nahdatul Ulama. Tafsir ini berasaskan kepada tafsiran klasik tetapi diolah dalam paradigma fikir yang baru supaya lebih sesuai dengan kehendak zaman. Sebagai contoh, tafsiran terhadap ayat-ayat perang. Adakah tafsiran menghalalkan membunuh non Muslim jika bertemu dengan mereka itu masih relevan dengan konteks masa sekarang. Hakikatnya ia ada disebut dalam al-Qur'an dan tidak boleh kita membuangnya begitu sahaja. Oleh itu, satu tafsiran semula perlu dilakukan. Usaha ini juga melibatkan penafsiran semula terhadap hadith-hadith.

Contoh yang kedua ialah tentang isu wanita menjadi imam solat. Larangan terhadap wanita menjadi imam diturunkan ketika wanita pada zaman awal Islam tidak berpelajaran dan tidak berkebolehan untuk melakukan kerja-kerja seperti lelaki. Itu adalah konteks sosial pada waktu itu. Sebab itulah dalam kes melibatkan saksi wanita, mestilah ada dua orang berbanding lelaki yang hanya seorang. Rasionalnya, wanita pada zaman itu kurang bijak. Jika saksi wanita pertama terlupa disebabkan kejahilannya dia akan diingatkan oleh saksi wanita yang kedua. Pada zaman sekarang, wanita sudah bijak dan sangat berkebolehan, maka sudah tentulah pemahaman terhadap teks larangan tadi wajar diteliti semula. Jika seorang isteri lebih berkebolehan untuk menjadi imam berbanding suaminya, isteri itu boleh mengimami solat mereka. Ini berdasarkan satu kaedah fiqh iaitu "*al-maslahah muqaddamah 'ala al-nas*".

Saya tidak gemar berbicara isu-isu yang dianggap remeh-temeh. Di Indonesia, rakyatnya berhadapan dengan pelbagai masalah hasil dari kebijakan pemerintah yang kurang berkesan. Sebagai contoh, masalah buta huruf, kemiskinan dan kenaikan BBM. Para ilmuwan Islam harus diajak juga untuk berbahas dan membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Inilah yang menjadi agenda utama Islam Liberal di samping mengenengahkan prinsip-prinsip seperti kebebasan bersuara dan kebebasan beragama.

.....

c) Temubual dengan Profesor Siti Musdah Mulia, Peneliti Utama Bidang Lektur Keagamaan, Badan Penelitian dan Pengembangan Agama, Departemen Agama Indonesia pada 29 Mei 2008

S: Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?

J: Terdapat tanggapan yang salah dalam masyarakat bahawa Islam Liberal mahu mengubah akidah dan sekaligus Islam. Kerana Islam Liberal sering diputarbelitkan oleh media untuk mengait keuntungan. Ini ialah imej yang salah dibangunkan kepada masyarakat. Oleh itu, sebenarnya tiada apa yang salah dengan Islam Liberal termasuklah dalam perspektif ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

S: Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal?

J: Islam Liberal membangunkan Islam yang bersifat rasional dan tidak semata-mata dogmatis. Selain itu, ia cuba membuka pintu untuk berbincang dan berdiskusi apa sahaja tentang Islam. Hal ini adalah respons kepada tradisi pengajian Islam yang tertutup di pesantren-pesantren. Kiyai-kiyai yang mengajar tidak menggalakkan budaya berdiskusi diamalkan di pesantren. Masyarakat kemudiannya menjadikan pendekatan ini sebagai satu budaya. Hal ini berjalan dengan begitu lama. Oleh itu, sebarang pembaharuan yang diusahakan akan sering dainggap sesat atau boleh membahayakan masyarakat dan agama.

Seperkara lagi ialah semua tokoh Islam Liberal progresif berpendidikan dari pesantren. Saya pun pernah belajar di pesantren. Begitu juga dengan Abd. Moqith Ghazali, Ulil Absar dan Lutfi al-Syaukanie. Kebetulan semuanya dari golongan Nahdatul Ulama. Kalau kita menelusuri sejarah, tradisi pendidikan Nahdatul Ulama juga tertutup seperti di pesantren. Oleh itu, orang-orang ini selepas tamat pengajian di pesantren cuba untuk mengubah tradisi ini.

S: Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam?

J: Islam itu sudah sempurna dan lengkap. Tetapi penafsiran terhadap hukum itu yang belum sempurna. Pada saya, hukum-hukum Islam itu perlu dilihat dan dibincang semula agar sesuai dengan konteks sesuatu masyarakat. Diskusi yang cuba dibawa oleh Islam Liberal ialah untuk menjadikan hukum-hukum itu bersifat mencegah dan bukannya semata-mata menghukum. Jika perlu menghukum, biarlah ia betul-betul adil dan saksama. Sebagai contoh, kes pelacuran. Di Indonesia, hanya pelacur yang ditangkap dan dihukum. Bagaimana dengan pelanggannya, pemilik rumah pelacuran, dan sesiapa sahaja yang terlibat. Sepatutnya semua pihak itu mesti dibawa ke muka pengadilan.

Selain itu, Islam Liberal cuba menolak sikap agresif terhadap penganut agama atau fahaman selain Islam. Sebagai contoh, ajaran Ahmadiyah. Benar bahawa mereka menyimpang dari ajaran Islam, tetapi adakah wajar mereka dikasari dan dizalimi? Bukankah itu hak mereka untuk menzahirkan persepsi keimanan mereka? Islam Liberal juga tidak berminat dengan politik. Benar bahawa mereka kadangkala berdiskusi juga tentang isu-isu politik terutamanya apabila ia melibatkan hak-hak asasi rakyat. Namun, fokus utama bukanlah untuk memegang tampuk kekuasaan politik seperti golongan Hizbut Tahrir dan lain-lain.

Contoh lain ialah kes iddah dalam perceraian. Saya berpandangan bahawa orang lelaki juga mesti menjalankan iddah. Berapa lama iddahnya itu terpulang berdasarkan keperluan asalkan ia tetap berjalan. Pendapat klasik menyatakan bahawa iddah itu perlu

untuk wanita sebagai satu cara untuk menyucikan rahim. Tetapi, melalui teknik perubatan moden sekarang seorang wanita boleh dikesan dengan cepat dan mudah sama ada hamil atau tidak. Oleh itu, saya fikir iddah itu sebenarnya bertujuan untuk menjaga wanita, anak-anak, sanak saudara, keluarga mertua dan harta benda. Berbalik kepada perlunya lelaki menjalankan iddah ialah supaya dapat menjaga emosi anak-anak dan keluarga mertua agar tidak terganggu dan terlalu terkejut dengan tindakan si ayah yang segera berkahwin baru.

S: Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

J: Sudah tentu tidak. Untuk makluman, tokoh-tokoh Islam Liberal progresif di Indonesia bersepakat kepada beberapa perkara berikut: 1. Setiap hukum dan perundangan mestilah mengikut maqasid shar'iyah; 2. perlunya pentafsiran moden; 3. tidak bertaklid buta kepada pandangan-pandangan ulama silam; 4. bersandarkan kepada dalil naqli dan aqli.

Berdasarkan kepada keempat-empat perkara di atas, saya tidak fikir ada yang bersalahan dengan Islam.

S: Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Indonesia?

J: Sudah dijawab.

S: Kenapa sebilangan rakyat Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Sebetulnya yang tidak mahu mengikut itu lebih ramai. Seperti yang saya jelaskan tadi, masyarakat sudah lama dibangunkan dengan pemikiran tradisi. Mereka lebih selesa untuk terus mengikut sahaja daripada cuba untuk menerima pembaharuan.

S: Apakah impak positif Islam Liberal?

J: Sudah dijawab.

S: Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

J: Tidak menjawab.

.....

d) Temubual dengan Abd Moqsith Ghazali, Peneliti di Jaringan Islam Liberal (JIL) pada 28 Mei 2008.

S: Adakah fahaman Islam Liberal ini digolongkan juga dalam kategori ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?

J: Tidak menjawab

S: Kenapa mesti ada fahaman Islam Liberal?

J: Tidak menjawab

S: Apakah kekurangan di dalam ajaran Islam?

J: Tidak menjawab

S: Adakah Islam Liberal ini tersasar dari ajaran Islam sebenar seperti dakwaan sesetengah pihak?

J: Tidak menjawab

S: Kenapa fahaman Islam Liberal boleh bertapak di Indonesia?

J: Wujud hubungan informal antara Malaysia dengan Indonesia dalam perkembangan fahaman Islam Liberal. Hubungan ini berlaku dalam bentuk pertukaran buku-buku dan idea. JIL pernah menerima kunjungan dari rakan-rakan liberal dari Malaysia dan Singapore. Dalam banyak hal, kami sependapat terutamanya yang melibatkan liberalisasi pemikiran Islam. Dalam setiap kunjungan itu, ramai juga yang bertanya kenapa ia perlu di Indonesia.

Jawapannya adalah seperti begini: Indonesia berbeza dengan negara-negara lain dari segi adat, budaya dan agama. Oleh itu, ia boleh dianggap sebagai negara yang memerlukan konsep pluralitas agama. Indonesia mempunyai agama-agama utama dunia dan juga agama-agama lokal (iaitu agama yang diasaskan oleh kaum-kaum peribumi). Statistik menunjukkan terdapat 312 jenis agama di Indonesia; kedua ialah Indonesia memerlukan pluralitas dalam tafsir keagamaan. Oleh sebab itu, Indonesia mempunyai Departemen Agama yang menguruskan lima agama besar iaitu Islam, Kristian, Katolik, Hindu dan Buddha. Juga, hal ini disebabkan Indonesia bukan sebuah negara Islam tetapi negara yang mengamalkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar; ketiga ialah Indonesia memerlukan pluralitas dalam amalan keagamaan kerana Islam di Indonesia bukanlah terdiri dari jenis yang tunggal. Sebagai contoh, amalan Islam di Jawa Timur berbeza dengan Jawa Barat. Amalan umat Islam di Sumatera berbeza dengan di Kalimantan.

S: Kenapa sebilangan rakyat Indonesia mudah terikut dengan fahaman Islam Liberal?

J: Kerana rakyat mahukan kebebasan dalam pemikiran keagamaan. Saya fikir pemerintah mesti memberikan kebebasan dalam aspek ini. Kerana jika ada sekatan bermakna ia sudah melanggar konstituensi. Selain itu, ia ada kaitan dengan suasana politik tempatan. Jika dahulu sebelum orde baru, kefahaman Islam adalah tunggal. Pada zaman pasca orde baru, timbul pelbagai fahaman termasuklah yang terlalu moderat dan terlalu ekstrim. Islam Liberal cuba untuk memberi alternatif kepada rakyat yang mahukan satu pembaharuan yang sihat dalam pemikiran Islam.

S: Apakah impak positif Islam Liberal?

J: JIL bertujuan untuk menengahkan idea agar masyarakat saling menghormati antara satu sama lain. Selain itu, JIL menjalankan usaha-usaha ijtihad dan penafsiran teks-teks agama yang bersifat eksklusif dan diskriminatif. JIL juga melihat bahawa hadith-hadith ialah sumber yang sekunder dan perlu diperhalusi sama ada ia mutawatir atau tidak sebelum digunapakai sebagai sumber hukum. Satu perkara yang mesti disebut ialah, ijtihad yang dilakukan hanyalah dalam perkara muamalah. JIL tidak berminat untuk berijtihad dalam masalah ibadat. Kerana saya berpandangan bahawa soal ibadat ialah antara individu dengan Tuhannya. Tujuan paling utama di sebalik semua usaha ini ialah untuk menjadikan Islam melalui teks-teks agamanya berupaya memberikan kemaslahatan kepada masyarakat.

S: Bagaimanakah cara untuk mengembangkan fahaman ini agar diterima ramai?

J: JIL akan mengekalkan prinsip kebebasan bercakap dan memberi pandangan. Malah adakalanya dalam kalangan anggota JIL sendiri, kami berselisih pendapat. Ini prinsip yang mesti dipertahankan. Jika semua sudah sepakat atau dipaksa untuk bersepakat, maka pendekatan ini tidak akan dianggap liberal lagi. Oleh itu, tiadalah lagi Jaringan Islam Liberal.

Laporan Fasa 3: Hasil Kajian

1. Pandangan Sarjana Islam Mengenai Isu-Isu Yang Diketengahkan dalam Islam Liberal

Sememangnya fahaman Islam liberal sarat dengan pelbagai isu sensitif yang boleh menjejaskan kesucian Islam. Isu-isu yang diketengahkan oleh pelopor Islam Liberal ini ada yang sengaja diada-adakan, ada yang tidak masuk akal dan ada yang amat serius sehingga menjejaskan aqidah secara tuntas. Justeru, tidak hairanlah jika bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Md Zin mengulas bahawa Islam liberal banyak menimbulkan penyelewengan dan melahirkan keraguan kepada ummah dan ia sekaligus merosak pemikiran masyarakat Islam kepada agamanya. [BH, 21.05.2005]. Laporan pada kali ini akan memetik pandangan mahupun pendapat daripada sarjana Islam terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Islam Liberal. Rumusan pandangan mereka yang sememangnya ahli dalam bidang pemikiran Islam ini dapat disimpulkan seperti berikut:

Profesor Madya Dr. Mohamad Kamil Bin Haji Abdul Majid, dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya berkata Islam Liberal adalah satu aliran pemikiran yang berasaskan kepada rasionalisme akal dalam mentafsirkan agama Islam. Ia merupakan sebuah aliran yang terpesong dari landasan Islam yang sebenar. Mendakwa diri mereka sebagai Muslim liberal, mereka berpendapat bahawa al-Qur'an dan Sunnah, perlu diinterpretasi semula agar sesuai dengan perjalanan kehidupan moden zaman ini. Hakikatnya, mereka ialah golongan yang terpesong akidahnya. Dalam menginterpretasi semula Islam, mereka dengan sengaja menggunakan istilah seperti islah untuk merujuk kepada perubahan tersebut, sedangkan apa yang mereka maksudkan bukannya islah tetapi merombak semula intipati ajaran Islam yang membawa maksud merombak kepercayaan asas kaum muslimin dalam memegang al-Qur'an dan Sunnah sebagai asas akidah.

Kebimbangan yang disuarakan di atas juga telah lama diutarakan oleh Mufti Perak, S.S. Dato' Seri Harussani Zakaria. Beliau menyebut bahawa al-Qur'an itu adalah kitab Allah. Allah mencipta manusia dan sememangnya ilmu Allah itu cukup sempurna. Dia yang mencipta manusia dan tahu kebangkitan manusia. Dia menciptakan segala keperluan yang diperlukan manusia. Beliau kemudiannya melontarkan satu pertanyaan bahawa apakah Allah itu tidak sempurna sehinggakan perkara yang tidak relevan pun hendak dimasukkan dalam al-Qur'an. Nabi Muhammad saw, sesuai dengan tugas baginda selaku pesuruh Allah, telah memberi jaminan bahawa al-Qur'an dan hukum-hukum Islam sesuai pada setiap waktu sehingga kiamat.

Kewajipan kita sepatutnya ialah menyesuaikan apa jua kemajuan dengan syarak, bukannya mengubah suai atau merombak al-Qur'an. Tindakan merombak al-Qur'an adalah satu kesilapan besar yang sepatutnya tidak dilakukan sama sekali.

Tegasnya, lantaran terpengaruh dengan pemikiran orientalis bahawa segala hukum-hukum baik syariah mahupun aqidah adalah produk pemikiran manusia semata-mata, Mereka dengan enteng menolak interpretasi sarjana-sarjana terdahulu berjustifikasikan bahawa tafsiran imam-imam ini sudah lapuk dan tidak lagi relevan dengan kehidupan moden. Dengan tanggapan ini, mereka juga menolak hadis-hadis sahih. Apa yang dikesalkan ialah mereka juga sanggup menolak ayat-ayat al-Qur'an yang dianggap tidak relevan, malah 'mengedit' ayat-ayat tersebut agar bertepatan dengan realiti masa kini.

Menyentuh mengenai isu kononnya pelopor Islam liberal ingin merangka kaedah usul fiqh baru, Profesor Madya Dr. Mohamad Kamil berkata itu hanya omong-omongan kosong mereka sahaja. Ia tidak lebih daripada teori kosong yang penuh dengan retorik. Hakikatnya, kaum liberal ini tidak mempunyai kaedah usul fiqh. Karya mereka tidak pernah menerangkan dengan jelas, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan dalil syara' itu. Mereka tidak

pernah menjelaskan bagaimana mereka menggali hukum dari dalilnya. Apa yang pasti ialah mereka banyak terpengaruh dengan kaedah hermeneutika, iaitu kaedah penafsiran bible. Dengan kaedah sebegini, sememangnya mustahil untuk mereka menghasilkan kaedah usul fiqh baru. Sekiranya mereka berjaya, itu hanya satu kaedah kosong terpesong dari ajaran Islam.

Ironi sekali pemikiran pelopor Islam liberal. Mereka menolak warisan intelektual ulama salaf yang sangat kaya tetapi cukup kagum dengan pemikiran barat. Justeru, tidak hairan jika mereka menganggap ulama salaf sudah kesampingan dengan alasan bahawa warisan ini sudah tidak relevan lagi. Mereka ini sebenarnya adalah tangan-tangan barat yang menjalankan agenda barat terhadap dunia Islam. Bagi imperialis Barat, Islam dipandang sebagai ancaman. Jika akidah dan syariah Islam tegak di muka bumi, maka ideologi, pemikiran, sistem dan dominasi ekonomi barat akan goncang dan tergugat. Hal inilah yang amat ditakuti Barat. Membiayai dan menyokong perjuangan pelopor Islam liberal merupakan satu keuntungan percuma kepada Barat. Di samping dapat menjatuhkan Islam, hegemoni Barat makin kukuh cengkamannya terhadap masyarakat Islam.

Menyentuh mengenai isu pluralisma yang sering dilaung-laungkan pelopor Islam liberal, Profesor Madya Dr. Mohamad Kamil berpandangan bahawa jawapan daripada al-Qur'an itu sudah jelas iaitu Allah mengatakan agama itu Islam dan sesiapa yang mencari selain dari Islam tidak akan diterima dan akan kecewa di akhirat nanti. Tegasnya, jawapan daripada Allah adalah jelas dan muktamad. Sebarang penafsiran baru berdasarkan akal semata-mata apatah lagi berkiblatkan hermenutika, adalah sia-sia sahaja.

Prof. Madya Dr. Wan Mohd Salim bin Wan Mohd Noor, Presiden ABIM Cawangan Pulau Pinang, turut mengatakan bahawa golongan liberal terkeliru dan terlepas pandang

dengan kaedah pentafsiran yang tepat terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut tentang pluralisme.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang buat kali ke 74 pada 25-27 Julai 2006 telah mengeluarkan fatwa bahawa fahaman Islam liberal adalah sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam. Fatwa ini adalah terang dan jelas. Dalam erti kata lain, sebarang pegangan terhadap fahaman ini boleh menjejaskan aqidah. Iman yang kukuh dipadukan dengan ilmu yang jitu amat diperlukan dalam menghadapi ancaman fahaman ini. Langkah kerajaan Malaysia segera memfatwakan bahawa fahaman ini sesat adalah amat dialu-alukan sebelum ia kian menular dan meresapi sanubari masyarakat Islam Malaysia.

Namun satu perkara yang perlu kita fikirkan bersama. Memandangkan Islam liberal adalah fahaman yang sesat dan menyeleweng, ia perlu diberi nama baru. Usah kaitkannya lagi dengan Islam. Fahaman sesat jika dikaitkan dengan Islam hanya mengeruhkan lagi keadaan. Berilah Islam liberal nama atau istilah baru yang jika disebut serta-merta akan terdetik dalam hati kita bahawa ia adalah ajaran yang sesat.

2. Hujah balas terhadap isu-isu Islam Liberal yang disebut oleh responden di Indonesia

Berdasarkan maklumat dari para responden di Indonesia, beberapa ulasan dan kesimpulan umum boleh dibuat tentang pandangan mereka terhadap Islam Liberal. Begitu juga hujah balas terhadap mereka berdasarkan piawai ahl al-sunnah wa al-jamaah dapat dirumuskan.

Ulasan pandangan mereka dan hujah balas:

1. Secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa para responden tidak pasti dengan kedudukan Islam Liberal jika dinilai dengan piawaian ahl al-sunnah wa al-jamaah. Dari empat orang responden, dua darinya tidak memberi jawapan tentang adakah Islam Liberal masih dalam ruang lingkup ahl al-sunnah wa al-jamaah. Walaupun dua orang responden ada menjawabnya, namun seorang mengakui tidak pasti dan yang seorang lagi menjawab atas dasar apa yang diyakininya sendiri iaitu Islam Liberal tidak mengubah aqidah yang sah, dan dengan itu ia masih dalam skop ahl al-sunnah wa al-jamaah.

Padahal, jika dinilai semula, banyak sebenarnya aspek-aspek dalam aliran Islam Liberal yang bercanggah dengan piawai ahl al-sunnah wa al-jamaah dan menjejaskan aqidah. Contohnya, apabila ada pandangan dalam Islam Liberal yang mengatakan tidak wajib percaya pada sunnah rasul atau pun menafikan kewajipan menutup aurat oleh wanita. Apabila ada individu yang menafikan sesuatu hukum yang qat'ie berdasarkan al-Qur'an, maka boleh menjejaskan aqidah. Kemungkinan juga para responden yang terlibat ada yang tidak jelas tentang skop ahl al-sunnah wa al-jamaah atau masih samar-samar dengan konsep Islam Liberal yang mereka raikan itu sendiri. Ini kerana ada antara responden yang mengakui bahawa mereka hanya memberi perhatian kepada kebebasan berfikir dan dalam kalangan mereka juga wujud perbezaan antara satu sama lain.

2. Secara keseluruhannya, bagi para responden keperluan kepada Islam Liberal ialah untuk mendapatkan kebebasan dalam pelbagai aspek termasuklah bebas dalam memahami teks al-Qur'an. Walaupun seorang responden tidak memberi pandangan dalam hal ini, namun dari pelbagai responnya yang lain tetap memberi gambaran yang sama iaitu umumnya mereka merasakan bahawa apa yang berlaku dalam konteks Indonesia sekarang ialah Islam yang tidak progressif dan menyekat kebebasan berfikir. Secara umumnya mereka mengaitkan keadaan ini dengan kesan dari sistem pesantren di Indonesia.

Sebagai hujah balasnya, adalah tidak wajar untuk merumuskan bahawa perlunya penafsiran semula kepada teks al-Qur'an dan lain-lain aspek dalam ajaran Islam dengan berasaskan kepada situasi setempat dan pengalaman banyak di kalangan mereka. Hal ini kerana Islam sebenarnya amat menekankan dan menggalakkan percambahan fikiran serta perkembangannya. Ini dapat difahami dari banyak teks al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w. Jika situasi setempat mereka yang memberi kesan kepada salah faham Islam sebagai tidak progresif maka tidak wajar untuk menyalahkan Islam dan menolak terus metodologi ulama klasik dalam memahami teks al-Qur'an mahupun sunnah. Sepatutnya mereka perlu mengubah sistem setempat mereka dan cara mereka berfikir dan bukannya mengubah ajaran Islam atau menokok tambahya.

Umumnya juga dapat difahami bahawa mereka yang terlibat dengan Islam Liberal ini seolah-olah kecewa dengan sistem pesantren yang ada di negara mereka. Ini yang membuatkan mereka memberontak dan cuba bersifat terbuka. Namun malangnya, keghairahan mereka ini ada yang telah tersasar. Tanggapan ini dapat diperkuatkan lagi apabila dilihat rata-rata sejarah pendidikan tokoh-tokoh Islam Liberal di Indonesia berasaskan atau bermula dengan sistem pesantren. Munculnya Islam Liberal di Indonesia ialah berasaskan kebebasan. Ramai yang memperjuangkan kebebasan dan situasi ini timbul akibat

provokasi terhadap budaya pesantren yang menyekat kebebasan bersuara dan berfikir setelah sekian lama.

3. Dari maklum balas para responden dapat dirumuskan juga, gerakan Islam Liberal di Indonesia tidak mempunyai definisi atau skop liberal yang jelas yang ingin mereka perjuangkan. Mereka tidak pasti dan keliru dengan skop liberal yang dibenarkan dalam Islam mahupun yang mereka ingin perjuangkan. Oleh kerana terlalu ghairah untuk merubah situasi umat Islam di Indonesia dan dengan alasan ingin memajukan umat Islam disana serta mengubah keadaan sosial masyarakat Islam, telah menjadikan mereka tersasar dan tidak yakin dengan kesyumulan Islam itu sendiri. Mereka tidak sedar sebenarnya masalah itu bukan berpunca dari agama Islam yang menyekat kebebasan, tapi realitinya kerana sistem pemikiran mereka yang selama ini tidak memahami ajaran Islam sebenar yang disebabkan oleh terutamanya sistem pesantren mereka.

Ketidakpastian dan kekeliruan mereka tentang definisi Islam Liberal secara tidak langsung diakui oleh wakil dari The Wahid Institute. Beliau mengatakan definisinya boleh pelbagai ikut perspektif sesebuah negara atau juga mengikut kecenderungan sesebuah organisasi. Beliau mengakui perbezaan organisasinya dengan JIL (Jaringan Islam Liberal) dari segi intipati perjuangan mereka walaupun sama-sama memperjuangkan kebebasan.

4. Pandangan para responden umumnya mengaitkan situasi Indonesia sebagai negara yang kompleks terdiri dari pelbagai suku kaum, agama dan tradisi sebagai alasan perlunya bertapak pemikiran liberal hatta dalam Islam sekalipun di Indonesia.

Sebenarnya, unsur perbezaan dan kepelbagaian ini sudah sedia ada dalam ajaran Islam. Jika kepelbagaian ini menjadi masalah sebenarnya bukan berpunca dari Islam yang tidak meraikannya tetapi adalah kerana umat Islam yang tidak mempraktikkan ajaran Islam

sebenarnya. Mengaitkan isu kepelbagaian sebagai alasan untuk mengadakan sesuatu yang baru atau liberal dalam ajaran Islam adalah tidak wajar dan menggambarkan seolah-olah Islam itu tidak meraiikan aspek ini. Sesungguhnya Islam mengiktiraf, meraiikan dan telah pun menyediakan satu sistem untuk menangani aspek kepelbagaian dikalangan manusia. Asas-asas kepada sistem ini banyak dinyatakan dalam al-Qur'an.¹⁰

Begitu juga pandangan responden ada yang mengaitkan situasi politik dan sosial Indonesia seperti pentadbiran pemerintah yang kurang berkesan, masalah buta huruf dikalangan rakyat dan kemiskinan yang masih tidak selesai sebagai perlunya para ulama Islam lebih melibatkan diri dalam perbincangan menyelesaikan masalah-masalah ini. Amatlah tidak wajar jika golongan ini mengaitkan masalah setempat mereka sebagai alasan untuk mengatakan Islam selama ini tidak liberal dan Islamlah yang menjadikan para ulamanya pasif. Islam jika diamalkan seperti sebenarnya amat menekankan peranan ulama dalam semua aspek kehidupan kerana Islam itu al-Din dan tidak ada pemisahan antara mana-mana aspek kehidupan dengan ajaran Islam. Oleh itu amatlah tidak adil untuk mengaitkan Islam dalam perjuangan liberal mereka. Tidak perlu wujud istilah Islam Liberal.

Lagi contoh yang menggambarkan bagaimana ketidakcekapan perundangan tempatan dijadikan alasan untuk melabelkan Islam tidak adil dan tidak liberal ialah contoh yang diberikan oleh responden tentang hukuman terhadap pelacur. Di Indonesia hanya pelacur yang dihukum tetapi pelanggan dan pemiliknya serta sesiapa lagi yang terlibat tidak dihukum. Amatlah tidak adil untuk menjadikan ini alasan Islam itu perlu diliberalkan, padahal hukuman untuk sesiapa yang terlibat dalam pelacuran dalam apa jua aspek telah pun terkandung dalam perundangan Islam. Hanya ia tidak dilaksanakan sesempurnanya sahaja dalam konteks Indonesia.

¹⁰ Antaranya, al-Hujurat: 13.

Begitu juga apabila ada responden yang menyatakan tentang perlunya 'iddah di pihak lelaki. Sebenarnya ini juga telah diselesaikan dalam perbincangan perundangan Islam yang berkaitan dengan *masalah*. Di Malaysia misalnya, ada terdapat kenyataan tentang pihak lelaki perlu menunggu tamatnya tempoh 'iddah isteri atas dasar *masalah*. Antara contoh terkini kenyataan oleh Tuan Musa Awang (Setiausaha Agung Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)) dalam Berita Harian baru-baru ini.¹¹

Oleh itu, amatlah tidak tepat untuk mempersoalkan dan mengatakan Islam itu tidak liberal dan tidak adil hanya kerana masalah perundangan setempat yang tidak menepati ajaran Islam sebenar.

5. Para responden umumnya bersetuju bahawa pemikiran Islam Liberal memberi impak positif dari segi kesannya terhadap kebebasan bersuara, meneruskan proses ijtihad dan penafsiran semula teks agama.

Namun jika kebebasan yang yang dicanangkan itu sendiri tidak jelas dari segi definisi, skop dan batasannya maka sudah tentu kesan negatif lebih banyak timbul dari kesan positifnya. Sememangnya proses ijtihad itu tidak pernah terhenti. Sejak dari dahulu lagi hingga sekarang, masalah-masalah yang melanda ummah telah dapat diselesaikan dengan baik oleh para ilmuwan/ulama Islam yang berkeelayakan melalui proses ijtihad yang terpandu dan terkawal. Oleh itu, alasan perlunya pemikiran Islam liberal atau menyatakan bahawa pemikiran ini memberi impak positif amatlah tidak wajar dan tepat.

¹¹ http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Thursday/Agama/20080924235101/Article

6. Dalam konteks untuk menjadikan Islam Liberal ini popular, para responden mempunyai beberapa pandangan dari beberapa sudut yang berlainan. Antaranya ialah aliran ini akan jadi popular apabila mendapat perhatian pemerintah.

Dari respon begini menunjukkan bagaimana cara berfikir mereka yang ingin mempopularkan pemikiran Islam Liberal ini. Bagi mereka sekatan atau perhatian dari pemerintah atau mana-mana pihak bukan halangan malah adalah peluang baik dan membantu mereka. Jika beginilah corak mereka berfikir, maka bagi pihak yang ingin membendungnya, perlu mengemukakan strategi yang berlainan dalam menangani isu ini. Mungkin sekatan yang lebih bersifat internal dan inklusif diperlukan.

Begitu juga ada responden yang menyatakan usaha-usaha untuk menafsirkan semula al-Qur'an menggunakan akal dan ilmu semata-mata adalah perlu supaya ia lebih menepati kehendak zaman dan keperluan tempatan. Strategi ini juga dikatakan boleh lebih mempopularkan aliran pemikiran ini.

Dari respon begini menunjukkan bahawa golongan ini ada yang tidak betul-betul memahami bahawa proses ijtihad itu sebenarnya sentiasa berlaku dalam Islam. Bezanya ialah ia bersifat terkawal dan terpandu dan bukan hanya berasaskan timbangan akal semata-mata yang sudah tentu akan menimbulkan kacau bilau jika akal tidak dikawal, dipandu oleh garis panduan tertentu. Adakah akan timbul pula tafsir al-Qur'an mengikut fikiran para individu? Masing-masing mempunyai tafsir al-Qur'an masing-masing?

Penafsiran al-Qur'an yang dilakukan oleh para ulama sejak dahulu sememangnya tidak boleh dinafikan kesahihannya. Para ulama terdahulu sebenarnya telah meletakkan asas-asas yang kukuh dalam memahami isi kandungan al-Qur'an. Namun al-Qur'an tetap relevan sepanjang zaman dan proses ijtihad boleh terus berlaku untuk menyelesaikan permasalahan

umat yang baru berpandukan asas-asas memahami al-Qur'an seperti yang telah ditentukan dan bukannya mengkritik al-Qur'an itu sendiri. Al-Qur'an perlu difahami dalam aspek menyeluruh termasuklah dalam konteks moden masakini serta merangkumi semua aspek kehidupan dan bukan perkara-perkara kecil atau asas semata-mata. Ini sememangnya telah lama diakui oleh para ulama Islam. Penafsiran al-Qur'an cuma boleh dilakukan oleh golongan yang betul-betul berkeelayakan. Antara syarat-syaratnya ialah menguasai bahasa Arab dengan baik, mempunyai pengetahuan mendalam tentang hadis Rasulullah s.a.w. mempunyai ilmu berkaitan *sabab al-muzul* sesuatu ayat dan *sabab al-wurud* sesuatu hadis dan sebagainya. Adakah mereka yang ingin menafsirkan semula atau mengkritik al-Qur'an itu benar-benar berkeelayakan?

Antara contoh yang jelas menunjukkan ada kalangan responden ini tidak memahami apa yang terkandung dalam ajaran Islam sebenar sebelum mengkritik ialah kenyataan bahawa al-Qur'an membenarkan pembunuhan orang yang bukan Islam jika bertemu dengan mereka. Padahal, tafsiran yang sebenar telah lama menyelesaikan isu ini dan telah memberi tahu siapa yang perlu dibunuh dan bukannya mana-mana orang bukan Islam itu boleh dibunuh semenang-wenangnya. Contoh yang lain yang menunjukkan bahawa golongan ini tidak memahami kaedah fiqh yang sebenar dan cuba merubahnya berasaskan pertimbangan akal dan nafsu ialah apabila berhujah bahawa jika isteri seorang yang bijak mengatasi suami maka isteri boleh menjadi imam kepada suami. Responden ini menyandarkan hujahnya kepada yang dia katakan kaedah fiqh iaitu "*al-maslahah muqaddamah 'ala al-nas*". Ini menunjukkan bahawa responden tidak memahami konteks masalah yang sebenarnya dan begitu juga tidak memahami kaedah-kaedah usul al-fiqh sebenar seperti yang telah disepakati selama ini. Hujah-hujah sebegini hanyalah berpandukan kepada nafsu dan akal serta pertimbangan individu semata-mata dan hanya bertujuan untuk berdiskusi. Begitu juga pandangan responden yang masih mempertikaikan bilangan rukun iman yang telah pun

disepakati.¹² Pandangannya yang menyatakan bahawa yang disepakati hanyalah dua iaitu percaya kepada Allah dan hari akhirat membuktikan lagi bahawa aliran pemikiran ini tidak berpegang teguh dengan hadith Rasulullah s.a.w. dan mempertikaikannya.

Jika semua permasalahan dunia ini hendak diselesaikan berdasarkan pertimbangan individu masing-masing tanpa ada garis panduan tertentu dan tanpa mengambilkira pandangan ramai, maka kesannya tentu kacau bilau. Cara penyelesaian yang dicanangkan mereka sebenarnya mengundang lebih banyak masalah, jauh sekali menyelesaikan masalah.

7. Secara umumnya, para responden berpandangan bahawa di Indonesia sebenarnya kumpulan yang menentang pemikiran Islam Liberal lebih ramai dari yang menyokongnya. Malah ada yang mengaitkan perkembangan Islam Liberal di Indonesia dengan pengaruh dari Malaysia.

Sebenarnya walaupun mereka beranggapan sedemikian, jika dilihat kembali hakikatnya Indonesia lebih berpengaruh dalam hal ini berbanding Malaysia atas tiga alasan utama. Pertama, walaupun yang menerima itu sedikit dari yang menentang dalam konteks mereka, tapi jika dilihat dalam konteks keseluruhan rakyat mereka yang sememangnya ramai jumlah penduduknya, maka ia masih mengatasi jumlah penyokong di Malaysia. Kedua, disebabkan tahap kebebasan bersuara di Indonesia dari aspek keharmonian beragama di sana tidak terkawal seperti di Malaysia, maka Islam Liberal lebih cepat merebak di Indonesia berbanding Malaysia.

¹² Rukun iman disepekati 6 kesemuanya berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. Lihat *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman*.

Ketiga, aliran Islam Liberal ini lebih menonjol di Indonesia dan lebih berpengaruh serta mudah merebak kerana yang mempelopori dan memperjuangkannya ialah golongan cendekiawan dan ulama Islam sendiri.

Jika ada pandangan yang menyatakan pengaruh Islam Liberal ke atas Indonesia bermula dari Malaysia, pandangan ini agak terasing dan hanya bersifat individu. Kemungkinan jumlah rakyat Malaysia yang kecil menjadikan segelintir yang mencanangkan pemikiran Islam Liberal ini tertonjol secara tidak langsung kerana mereka melawan arus yang kuat.

8. Golongan yang menyokong pemikiran Islam Liberal ini cuba mengubah satu sistem kukuh dalam Islam yang telah lama bertahan tetapi tidak pula mampu menghasilkan satu sistem baru sekukuh yang lama. Apa yang wujud hanya pelbagai pandangan sahaja yang berubah-ubah dan tidak konsisten. Ada juga responden yang mengakui bahawa mereka akan terus memberi pandangan dan pendapat walaupun antara mereka juga akan wujud perbezaan. Situasi ini membuktikan dua perkara utama. Pertama, jelasnya disini perbezaan itu memang fitrah manusia, tiada yang dapat menafikannya. Tetapi perbezaan yang dianjurkan Islam ialah perbezaan yang terkawal dan akhirnya pandangan majoriti akan diguna pakai kerana ia akan lebih menjaga masalah ramai. Kedua, jika terus-terusan berbeza tanpa mengadakan satu sistem kukuh untuk bersepakat dan mengawal perbezaan, maka bila akan dapat menyelesaikan masalah? Yang pasti lebih banyak masalah yang akan timbul.

9. Ada juga para responden yang menyatakan bahawa pemikiran Islam Liberal tidak menyentuh atau ingin mengubah aspek iman dan ibadat. Ini amatlah tidak tepat dan membayangkan bahawa mereka tidak faham konsep Islam sebagai al-Din. Ini membuktikan bahawa aliran pemikiran liberal ini juga menyokong serta berpaksikan sekularisme.

Sesungguhnya tidak ada pemisahan antara iman, ibadat dan aspek-aspek kehidupan yang lain dalam Islam. Semuanya adalah satu dan berpaksikan kepada satu juga iaitu Allah s.w.t.

Kesimpulan:

Penyelidikan ini berjaya mendapatkan beberapa hasil penemuan. Rumusannya adalah seperti berikut:

1. Liberalisme bermaksud kepercayaan atau ideologi tentang kebebasan.. Liberalisme mempunyai dua bentuk. Pertama, Liberalisme ialah satu aliran dalam falsafah Barat dan biasanya dikaitkan dengan *enlightenment* Eropah. Oleh itu faham Islam Liberal ialah satu kepercayaan untuk menyesuaikan prinsip-prinsip Islam dengan falsafah-falsafah Barat. Islam Liberal dalam bentuk inilah yang dikatakan berlawanan dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Kerana sebagai seorang Islam, wajib kita percaya hanya ada satu kepercayaan sahaja iaitu akidah yang bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah.

2. Bentuk kedua ialah Liberalisme merupakan satu reformasi dan pembaharuan. Usaha ini dianggap sebagai satu hasrat yang murni. Pendekatan ini termaktub dalam ajaran Islam. Oleh itu, umat Islam perlu mengambil sikap untuk membezakan dua bentuk Liberalisme ini. Reformasi atau pembaharuan tidak dapat diusahakan dari luar tapi dari dalam. Kerana Islam mempunyai khazanah yang begitu kaya untuk membawa penyelesaian dalam setiap masalah.

3. Dari sudut akidah, Liberalisme dalam bentuk pertama lebih mirip kepada faham al-Qadariyah dan Muktazilah. Di Malaysia, aliran perdana ialah *Ahl al-sunnah wa al-Jamaah*. Jadi, tentulah metodologi pemikiran yang dibawa oleh Islam Liberal ini tertolak dengan sendirinya. Sebagaimana ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* dahulu menolak pemikiran al-Qadariyah dan Muktazilah.

4. Di Malaysia, pemikiran Islam Liberal berkembang dahulu dikalangan para akademik dan profesional yang bukan berlatar belakangkan pengajian Islam. Badan-badan bukan Kerajaan

(NGO) menjadi pusat berkembangnya aliran ini. Kemudian barulah ia berkembang di kalangan pihak yang berasal dari bidang pengajian Islam. Perkara yang telah dan sedang dilakukan oleh pendukung Islam Liberal ialah cuba keluar dari kerangka asas yang telah diasaskan para imam mujtahid sebelum ini. Ini kerana setiap disiplin ilmu dalam pengajian Islam mempunyai prinsip kerangka dan metodologinya tersendiri yang secara asasnya bertunjang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan lain perkataan, para ulama' telah meletakkan asas-asas metodologi penting, bagaimana berinteraksi dengan isu-isu pemikiran, aqidah, hukum, kemasyarakatan, maslahat dan sebagainya.

5. Islam Liberal muncul terlebih dahulu di Indonesia. Malaysia menerima faham ini agak lewat. Kenapa ia boleh muncul dan subur di Indonesia? Sebab Indonesia ialah negara yang mengamalkan Pancasila. Konsep ini antara lainnya melayani semua agama sama. Berbeza dengan Malaysia yang mengisytiharkan bahawa Islam sebagai agama rasmi atau agama persekutuan. Di bawah frasa ini pula, setiap undang-undang tubuh negeri menjelaskan bahawa Islam yang digunakan ialah bermazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Iaitu menggunakan akidah aliran 'Asha'ari dan fikah aliran Shafi'i. Metodologi ini diangkat menjadi pemikiran rasmi umat Islam di Malaysia. Jika terdapat aliran-aliran lain biasanya ia tidak mendapat sambutan atau sokongan dari umat Islam.

6. Dalam kes Indonesia, protes terhadap kepincangan yang berlaku dalam sistem pendidikan Islam di sana, sistem politik, ekonomi serta sosial yang banyak mempengaruhi kemunculan pemikiran Islam Liberal.

7. Di Indonesia, pemikiran Islam Liberal berkembang dahulu dikalangan para ilmuwan Islam dan ulama Islam sendiri kesan dari protes mereka kepada sistem pendidikan dan situasi negara mereka sendiri. Universiti-universiti Islam menjadi pusat berkembangnya aliran ini. Keadaan ini adalah amat membahayakan kerana boleh menimbulkan lebih banyak

kekeliruan dikalangan masyarakat yang sudah tentu akan merujuk kepada golongan ulama dan cendekiawan Islam. Kesan dari sistem pendidikan pesantren dan protes ke atasnya amat ketara dikalangan ilmuwan Islam di Indonesia sehinggakan faktor utama kewujudan dan keperluan kepada pemikiran Islam Liberal itu dikaitkan dengan kepincangan sistem pengajian ini.

8. Salah faham tentang Islam hasil dari sistem pendidikan yang tidak menepati kaedah Islam telah mencalarakan imej Islam, lebih-lebih lagi apabila kesalahan dan permasalahan yang timbul itu dikaitkan dengan Islam dan bukan sistem itu sendiri. Islam itu sememangnya sedia syumul dan fiqhnya anjal serta menjamin kelestarian jika betul-betul difahami dan dipraktikan. Maka tidak perlu label atau istilah baru untuk Islam sama ada liberal atau lain-lain.

9. Untuk memutuskan semua yang lama sebagai klasik dan ketinggalan zaman serta tidak dapat menyelesaikan permasalahan masakini amatlah keterlaluan. Perlulah dibezakan mana asas dan mana cabang. Asas tidak boleh berubah, tapi cabangnya boleh. Manusia tetap manusia cuma kisahnya saja yang berlainan. Begitulah juga dengan asas-asas ajaran Islam tetap akan sama sepanjang zaman.

10. Untuk cuba meraikan satu sistem pemikiran yang bebas tanpa batasan sebagai satu penyelesaian kepada permasalahan umat sebenarnya mengundang lebih banyak permasalahan. Akan timbul pelbagai pandangan tanpa kawalan. Persoalannya nanti mana satu yang akan diangkat menjadi sistem bersama?

11. Islam ialah al-Din yang meliputi semua aspek kehidupan manusia berpaksikan yang sama iaitulah keimanan kepada Allah s.w.t. Oleh itu untuk memisahkan aspek-aspek tertentu antara satu sama lain adalah tidak menepati konsep ini. Begitulah juga dengan corak berfikir. Untuk

mengatakan liberal dalam satu aspek tanpa mahu mengaitkan dengan aspek lain adalah tidak menepati konsep al-Din. Tidak kira apa pun alasan yang diberikan, jika liberalisasi berlaku pada mana-mana aspek, sudah pasti ia akan memberi kesan juga kepada aspek yang lain. Pemikiran yang cuba memisahkan antara aspek keimanan dengan aspek kehidupan dunia hanya membawa umat kepada permasalahan lama iaitu kemunduran. Contohnya sejarah telah membuktikan sistem pensukularan ilmu tidak berjaya membawa manusia kepada kemajuan fikiran tapi hanya melahirkan lebih banyak masalah.

12. Menyedari dan menginsafi kepingangan dan kekeliruan yang dibawa oleh pemikiran “Islam Liberal” di Malaysia, langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi membendung ia terus berkembang. Di antara langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan ialah seperti berikut:

i). Memantapkan kelas-kelas pengajian.

Di samping memantapkan kelas-kelas pengajian agama sama ada di masjid, surau, sekolah, pusat pengajian serta tempat-tempat kerja, penilaian terhadap kandungan pengajaran harus juga dilakukan. Dengan lain perkataan, kandungan pengajaran terutamanya di masjid dan surau perlu dinilai agar mampu memberikan bentuk pemikiran Islam yang tulen. Terutamanya tentang prinsip-prinsip penting dalam aqidah Islam, asas-asas pemikiran Islam yang selari dengan kehendak al-Qur'an dan al-Sunnah.

ii). Penerbitan bahan-bahan yang bermutu

Penerbitan bahan-bahan penerangan yang bermutu tentang masalah ini pasti akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat. Ia boleh dilakukan dengan mengeluarkan risalah, majalah dan buku yang menerangkan penyelewengan dan penyimpangan pemikiran Islam Liberal daripada ajaran Islam yang murni samada berkaitan dengan aqidah mahupun syariat.

iii). Mengikuti kerangka metodologi mazhab fiqh yang muktabar.

Umat Islam perlu disedarkan agar mereka dapat mengikut kerangka metodologi fiqh yang muktabar, seperti yang telah digariskan oleh para ulama yang diiktiraf. Metodologi yang telah diterima pakai sejak sekian lama telah melalui pelbagai proses sehingga ia muncul menjadi ikutan ilmuwan Islam.

iv). Kuasa legislatif dan eksekutif

Mencadangkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri agar menguatkuasakan keputusan fatwa yang telah dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam persidangan kali ke-74, pada 25 – 27 Julai 2006. Ini supaya fatwa terhadap fahaman ini dapat dikuatkuasakan supaya fahaman Islam Liberal tidak menjejaskan perpaduan ummah yang telah lama terbina di Malaysia dan Nusantara. Di negara jiran seperti Indonesia, fahaman ini telah difatwakan sebagai haram kerana ini menyeleweng dari asas Islam dan landasan syariat yang sah.